


100333059

Jilid I
Bil. 89



Hari Selasa
27hb Januari, 1976

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Menghormati Allahyarham Tun Haji Abdul Razak [Ruangan 9873]

USUL-USUL:

Merakamkan Perasaan Dukacita atas Kematian Allahyarham Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein dan Ucapan Takziah kepada Toh Puan Hajjah Rabah dan Keluarga [Ruangan 9873]

Ucapan Tahniah dan Kepercayaan kepada Y.A.B. Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri [Ruangan 9921]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9920]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 27hb Januari, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. S.I.M.P. (Lipis).
- ” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- ” Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

UNIVERSITI
PERPUSTAKAAN
KEBANGSAAN
MALAYSIA

100333059

H22727

HADIAH

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- ” Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N.,
D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- " TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P.
(Payang).
- " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- " TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- " TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- " TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- " TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- " TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- " TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- " TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- " PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- " TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- " TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- " DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- " TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- " TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- ” DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- ” TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- ” TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- ” TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- ” TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- ” RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- ” TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- ” TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- ” TENGGU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGGU MOHD. HAMZAH, P.S.M. S.P.M.K., (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- ” TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- ” DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- ” TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- ” TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN WEBB HO SOON (Bandar Sibu).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- ” TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- ” DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- ” TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- ” TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- ” TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Sübis).
- ” TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

MENGHORMATI ALLAHYARHAM TUN HAJI ABDUL RAZAK

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai menghormati Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri bertafakkur bersama-sama saya selama 2 minit, dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam membacakan Fatihah dengan ikhlasnya kepada roh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, semoga dicucuri rahmat oleh Allah Subhanahu wataala dan dihimpunkannya di dalam himpunan ambia syahada wassalihin.

(Majlis bertafakkur selama dua minit dan yang beragama Islam membaca Fatihah)

USUL-USUL

MERAKAM PERASAAN DUKACITA ATAS KEMATIAN ALLAHYARHAM Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN DAN UCAPAN TAKZIAH KEPADA TOH PUAN HAJJAH RAHAH DAN KELUARGA

2.32 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua ketahui, Perdana Menteri kita yang dikasihi, Tun Haji Abdul Razak, telah kembali menemui Tuhan Yang Maha Esa, meninggalkan kita untuk selama-lamanya, pada 12 Muharram, 1396 bersamaan 14hb Januari, 1976, setelah uzur beberapa ketika. Berita kepulangan Allahyarham disambut oleh rakyat dan negara dengan penuh perasaan

sedih dan perasaan pilu. Akan tetapi, yang pasti itu tetap berlaku, tiada kuasa yang dapat menghalang kehendak Tuhan. Sebagai insan, kita tunduk kepada takdir Allah s.w.t. dan kita wajib menerima kudratNya dengan penuh rasa kesedaran akan kelemahan kita di sisiNya.

Bagaimanapun, kita perlu juga memahami bahawa setiap kehendak Tuhan dan setiap perkara yang dilakukanNya tentulah ada hikmat dan rahmatNya. Oleh itu, samasalah kita berdoa mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat dan rahimNya ke atas roh Allahyarham dan dihimpunkan roh Allahyarham itu bersama-sama golongan Syuhada dan Salihin.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan bahawa pemergian Tun Razak pada peringkat umur yang boleh dikatakan muda itu amatlah dirasai oleh kita semua, lebih-lebih lagi oleh isteri, anak-anak dan keluarga Allahyarham sendiri. Sebagai sahabat karib dan rakan seperjuangan, kehilangan Allahyarham meninggalkan kesan yang mendalam di hati sanubari saya. Saya dan rakan-rakan Allahyarham telah kehilangan seorang teman, seorang ketua, yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami dalam mengendalikan negara Malaysia yang dikasihi, seorang pemimpin ulung yang telah menghabiskan seluruh hayatnya berbakti kepada bangsa dan negara, seorang negarawan terbilang yang telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai harganya kepada pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara kita Malaysia ini.

Dalam hubungan inilah, Tuan Yang di-Pertua, kita berhimpun dalam Dewan yang mulia ini, untuk mengenang dan merakamkan penghormatan dan penghargaan yang setinggi-tingginya terhadap jasa bakti dan sumbangan Allahyarham itu dan juga menyampaikan rasa sedih serta ucapan takziah rakyat dan negara kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memperkatakan beberapa aspek penting perjuangan dan sumbangan Allahyarham Tun Razak kepada negara, izinkanlah saya menyatakan penghargaan rakyat dan Kerajaan kepada Toh Puan Hajjah Rahah, balu Allahyarham, di atas sumbangannya kepada kejayaan Allahyarham Tun semasa hayatnya.

UNIVERSITI KEABSAHAN MALAYSIA

Selama lebih kurang 25 tahun Toh Puan berkongsi hidup dengan Allahyarham, Toh Puan telah memberikan khidmat dengan penuh taat setia dan kasih sayang seorang isteri kepada suaminya. Toh Puan dengan penuh kesabaran dan ketabahan telah menghadapi hidup sebagai seorang isteri kepada seorang pejuang politik dan seterusnya Perdana Menteri yang sentiasa sibuk dengan urusan negara dan tidak mempunyai banyak masa untuk bermesra dan memberi perhatian penuh kepada anak isterinya sendiri.

Ketabahan dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh Toh Puan itu mencerminkan sifat dan nilai kewanitaannya yang sejati, yang seharusnya menjadi contoh tauladan kepada kaum wanita kita semua. Dalam mengharungi hidup yang penuh dengan peristiwa-peristiwa suka dan duka itu, Toh Puan juga telah memberikan kepada Allahyarham lima orang putera yang telah diasuh dan dididik dengan baik dan sempurna sebagai titisan darah bagi meneruskan dan mengekalkan nama baik dan jasa bakti yang ditinggalkan oleh Allahyarham itu. Semoga putera-puteranya itu mengambil inspirasi dari kejayaan dan khidmat ayahanda mereka dan berusaha memenuhi wasiat serta amanat dari bapa mereka.

Kepada Toh Puan Rahah dan keluarganya, kita berharap dan mendoakan supaya berbilang-bilang sabar ketika menghadapi dugaan Tuhan ini. Kerajaan tidak akan melupakan khidmat bakti Allahyarham dan akan berusaha menjaga kebajikan keluarganya berdasarkan kemampuan dan had undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak kepulangan Tun Razak, telah banyak yang ditulis dan diperkatakan tentang sifat-sifat peribadi, ketokohan pimpinan, daya pemikiran serta kebijaksanaan Allahyarham menyelesaikan berbagai masalah negara, sehingga mencapai peringkat kemajuan yang kita nikmati sekarang ini. Sungguhpun demikian, saya rasa masih banyak lagi yang boleh diperkatakan tentang diri Allahyarham, perjuangannya serta sumbangannya dari berbagai aspek.

Beberapa sifat Tun Razak yang saya tahu adalah menakjubkan. Allahyarham ialah seorang yang paling pantas fikirannya menangkap sesuatu maksud dan sangat

cekap dalam kerja-kerjanya sebagai pen-tadbir. He was quick and efficient in his work, alert in mind and wise in his judgment.

Dalam kehidupannya, ia adalah seorang yang paling sederhana. Allahyarham menjalankan tugas sehari-harinya dengan penuh disiplin dan dedikasi dan tidak mudah putus harapan dalam menghadapi sebarang masalah atau dugaan. kepadanya, segala tugas yang patut dilaksanakan pada sesuatu hari, mesti ditunaikan hari itu juga tanpa berlengah-lengah kerana hari esok adalah masalah lain pula.

Dari pembawaan hidupnya, ia adalah seorang yang pemalu dan pendiam tetapi bermurah hati dan sangat bertimbang rasa. Sifat-sifat inilah kadangkala diambil kesempatan dan disalahgunakan oleh setengah-setengah pihak, baik yang jauh atau yang hampir dengannya.

Walaupun Allahyarham dilahirkan dalam keluarga bangsawan, tetapi jiwanya ialah jiwa rakyat kerana ia dididik dan dibesarkan di tengah-tengah suasana dan kalangan rakyat miskin. Apa yang menjadikan ia berjiwa besar ialah dedikasinya memperjuangkan kepentingan rakyat miskin dan tidak berpeluang. Dalam hal inilah, dia menikmati kebahagiaan hidup dan pleasure kepadanya ialah his total commitment to his work, his motivation for the people, his respect for his friends and his love for his family.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Allahyarham meninggal dunia tanpa banyak harta benda atau kekayaan. Dari segi ini, nyatalah Allahyarham itu seorang yang totally selfless and died literally for the people and for the country. His philosophy was that, in material terms, he sought nothing for himself but he gave everything for the people and the country.

Ramai orang tertanya-tanya mengapakah Allahyarham merahsiakan penyakit yang dihadapinya sehingga tidak memberi kesempatan untuk berikhtiar bersungguh-sungguh bagi mengubatnya. Allahyarham sangat merahsiakan perkara tersebut dengan tujuan supaya ia dapat memberikan jasa serta khidmatnya terus-menerus tanpa menimbulkan kebimbangan dan kerunsingan kepada sesiapa juga hatta anak isteri dan keluarganya. Allahyarham tahu akan keadaan

kesihatannya tetapi ia menerima kehendak Allah dengan penuh berani dan tenang tetapi berazam terus untuk berjasa.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham telah memilih lapangan politik semenjak ia menuntut lagi. Pilihan ini mendorongkannya bergerak cergas dalam arena politik pelajar dan kemudiannya politik parti. Allahyarham sedar bahawa kunci kepada kebahagiaan dan kemakmuran rakyat miskin ialah membebaskan negara ini dari belenggu penjajahan. Tujuannya memasuki politik bukan semata-mata untuk berkuasa—not for the love of power. The motivating force was his love for the rural poor, the have-nots and the neglected—his desire to improve their livelihood so that they could lead a proper and decent life.

Sesudah mencapai kejayaan dirinya sebagai seorang pelajar dan kembali ke tanah air untuk bertugas meskipun dengan Kerajaan penjajah, Allahyarham kemudiannya memasuki UMNO iaitu parti yang diyakininya boleh memperjuangkan nasib negara. Dari sinilah ia bangun dan berjuang, sekalipun ia disekat dan dihalang oleh pemerintah pada waktu itu yang menindas sebarang tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan negara.

Allahyarham penuh percaya bahawa asas politik negara ialah politik perpaduan—politic of unity, not disunity. Dan ia juga sentiasa mengambil pertimbangan kepada pencapaian hasil jangka panjang—long term view of things. Ini terbukti dari perjuangannya mencapai kemerdekaan menerusi perpaduan kaum yang diwakili oleh UMNO, M.C.A. dan M.I.C.

Dalam usaha pembentukan Malaysia dan penyatuan rakyat Semenanjung Tanah Melayu dengan Sarawak dan Sabah, Allahyarham berkeyakinan penuh bahawa perpaduan dan penyatuan ini sahajalah yang boleh mendorong negara kita mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih dinamis serta menyeluruh.

Allahyarham juga telah membawa perubahan besar kepada structure politik di negara ini dengan konsep Barisan Nasional. Adalah jelas kepada Allahyarham iaitu akibat dari Trejedi 13 Mei, hakikat politik yang berasaskan "identification of race with economic functions" adalah merbahaya kepada negara dan ini telah memberi ilham kepada Allahyarham dengan berani menge-

mukkan konsep Barisan Nasional dalam mana parti-parti politik di luar Perikatan menerima dasar-dasar pokok dan bersetuju membulatkan kekuatan dan perpaduan untuk sama-sama membangunkan negara. Konsep Barisan Nasional telah diterima dengan baik oleh pemimpin-pemimpin parti politik di luar Perikatan dan hasil dari kerjasama itu telah membawa kemenangan cemerlang dalam pilihanraya umum tahun 1974 dan terbentuknya sebuah action oriented Kabinet bagi mempercepatkan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya di Dewan Negara tempoh hari, telah saya nyatakan dengan tegas dan penuh yakin bahawa Allahyarham Tun Razak bukanlah seorang yang tamak kuasa dan bukan seorang yang ingin menggunakan kuasa semata-mata untuk berkuasa.

(Dengan izin) To him power was responsibility, absolute power was absolute responsibility. The fact the Malaysian democracy has survived its biggest test since the May 13 incident, the fact that the transfer of power has been so orderly, peaceful and constitutional, despite its suddenness, is by no means coincidental. The political stability we now enjoy is the result of the hard work, the wisdom and the foresight of Allahyarham in broadening and consolidating the multi-racial basis of the Government; in striving for the eradication of poverty both rural and urban, regardless of race; in creating a sense of national consciousness, belonging and identity; and in establishing a solid tradition of respect for the rule of law and the upholding of the system of Parliamentary democracy.

Indeed, the greatest tribute that can be paid to Allahyarham Tun Razak is our ability, our ability to govern the country with the same spirit of enlightenment, tolerance and dedication. I am sure that if Allahyarham were to be with us today, he would be happy to see that we are united and determined to continue the good work that he had left behind him.

Tuan Yang di-Pertua, satu sudut atau aspek kebijaksanaan dan kebolehan yang perlu dicatitkan bahawa Allahyarham adalah satu-satunya Ahli Mesyuarat Undang yang paling lama berkhidmat di antara the most prominent legislators of Malaysia. Sekalipun Allahyarham itu hanya berusia 53 tahun

ketika meninggal dunia, tetapi dia telah berkhidmat kepada negara sebagai seorang legislator selama suku abad. Allahyarham merupakan seorang ahli undangan sebelum dan sesudah merdeka. Catatan daripada riwayat hidupnya menunjukkan bahawa dari tahun 1951 hingga tahun 1955, Allahyarham ialah salah seorang unofficial member of the Federal Council. Semenjak tahun 1955 iaitu ketika Persekutuan Tanah Melayu mengadakan pilihanraya umum pertama, yang merintis jalan bagi pemerintahan sendiri, Allahyarham telah menang bertanding dalam pilihanraya itu bagi Kawasan Semantan, Pahang. Semenjak dari tarikh itu, Allahyarham telah menang setiap pilihanraya umum iaitu dalam tahun 1959, 1964, 1969 dan akhirnya, tahun 1974 bagi Kawasan Pekan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi, apabila sejarah Perundangan Malaysia atau Legislative History of Malaysia ditulis kelak, it will be clear that his role as a legislator is pre-eminent. Allahyarham Tun Razak telah meninggalkan kesan-kesan jasa khidmatnya dalam semua aspek perundangan negara ini: the Constitution of Independent Malaya 1957; Perlembagaan Malaysia tahun 1963. Pelajaran, Pertahanan, Pembangunan Luar Bandar, Kewangan, Hal Ehwal Luar Negeri dan berbagai undang-undang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang hubungan antarabangsa, Allahyarham telah meletakkan Malaysia di mercu keagungan melalui kerjasama serantau dalam ASEAN. Allahyarham telah mempelopori konsep rantau aman, bebas dan berkecuali sebagai satu-satunya gagasan yang dapat menjamin keamanan yang kekal di wilayah Asia Tenggara, bebas dari pengaruh kuasa-kuasa besar. Kita boleh berbangga kerana konsep ini telah mendapat sokongan besar dengan persetujuan Deklarasi Kuala Lumpur, 1971. Adalah menjadi harapan kita semua bahawa gagasan Allahyarham itu akan menjadi kenyataan pada suatu masa kelak.

Selepas mengambil alih teraju negara pada tahun 1970, Allahyarham juga telah mengubah dasar luar negara kita kepada dasar berkecuali atau non-alignment yang merapatkan kita dengan negara-negara dunia ketiga di samping mengekalkan hubungan yang erat dengan kuasa-kuasa besar dan negara-negara sahabat yang lama. Begitu juga Allahyarham telah mendekatkan negara Malaysia dengan

negara-negara Islam melalui kegiatan-kegiatan Sekretariat Islam yang dipelopori oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman dan sokongan kuat kita kepada perjuangau rakyat Palestine. Bukti yang nyata dari dasar ini ialah kejayaan kita menganjurkan Sidang Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam di Kuala Lumpur pada tahun 1974.

Pendeknya, di bawah pimpinan Allahyarham, negara kita telah terkenal sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar luar negeri yang active yang bersahabat dengan semua negara yang ingin bersahabat dengannya, tanpa mengira sistem sosial atau ideologi politik negara itu. Dengan perubahan dasar itu, Allahyarham telah membawa negara Malaysia ke tempat yang tinggi dan dihormati di kalangan dunia antarabangsa dan ini pula meletakkan Allahyarham itu sendiri sebagai tokoh antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, berpulangnya Allahyarham, seorang Ahli Parlimen Kawasan Pekan, di peringkat usia yang muda dan pada puncak kejayaannya, tidak syak lagi merupakan satu kehilangan yang tidak akan tumbuh berganti kepada Dewan ini dan kepada negara amnya.

Bagi diri saya, kehilangan Allahyarham itu saya sifatkan sebagai dugaan yang kekal abadi kerana secara kebetulan, pendapat kami, approach kami dan keyakinan kami, pada keseluruhannya, dalam beberapa issue mengenai negara, seia sekata, seiring sejalan, searah dan sehaluan. Hakikat ini sangatlah memberi kesan yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya berdiri di sini, saya sedar sepenuhnya bahawa sahabat, pemimpin, rakan seperjuangan yang sangat dihormati dan disanjung itu tidak lagi berada di samping saya, duduk mendengar dan mencatat sesuatu yang saya perkatakan. Dia telahpun berpulang lebih awal dan lebih muda dari saya. Sesungguhnya amatlah sukar bagi saya menerima kenyataan pahit ini. Namun demikian, I mourn, we mourn and the nation mourns the loss of this eminent parliamentarian, wise legislator, tireless administrator, peace, loving statesman and above all, a great son and a great patriot of Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Tun Razak telah kembali mengadap Tuhan untuk selamlamanya. Tetapi ia kembali setelah memberi

kan seluruh tenaga dan fikirannya untuk pembangunan negaranya yang dicintainya. Ia meninggalkan kepada negara ini satu legacy, satu warisan pimpinan dinamis yang tidak ada tolok bandingannya yang kita patut bangga dan menjadi contoh tauladan kepada jenerasi sekarang dan juga yang akan datang. That we are able to be here today, sitting in this Chamber to deliberate the affairs of our nation is sufficient testimony to the foresight, wisdom and greatness of Allahyarham Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, seringkali Allahyarham menyatakan dalam ucapan-ucapannya bahawa cita-citanya ialah untuk melihat rakyat negara Malaysia yang berbilang bangsa hidup dalam aman makmur dan bersatu padu. Cita-cita Allahyarham itu adalah juga menjadi cita-cita saya. Matlamat inilah juga yang akan menjadi pedoman dan pegangan saya dalam meneruskan perjuangan yang ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Razak itu.

Oleh itu, sambil saya menerima amanah dari rakyat untuk memimpin negara ini, saya dengan penuh merendahkan diri meminta rakyat sekalian dari semua peringkat dan golongan supaya bersama-sama dengan saya, berusaha dengan sepenuh tenaga, untuk terus membina negara Malaysia kita yang dicintai ini dan menjadikannya negara yang aman, adil, makmur dan bersatu-padu, sebagaimana yang dicita-citakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak itu.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah saya mengusulkan. (*Tepuk*).

3.27 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul takziah yang baru sahaja diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam arena politik begitu juga di dalam lapangan lain yang ditemphi oleh manusia, hukum alam ialah hukum yang tetap dan manusia akan sentiasa tewas pada perintah peredaran hidup. Tetapi bila seseorang itu kehilangan teman yang bukan sahaja merupakan sebagai seorang pemimpin tetapi lebih dari itu, seorang rakan karib malahan kita manusia yang mesti mati menganggap ini sukar untuk diterima.

Allahyarham Tun adalah seorang sahabat yang benar bagi kita semua. Kematiannya telah diterima dengan perasaan yang penuh pilu oleh semua rakyat Malaysia. Negara telah kehilangan seorang pemimpin agong dan patriot besar dan ulong. Dunia kini kekurangan seorang negarawan yang tulin dengan pemergiannya itu. Semua ini berlaku dalam saat negara amat memerlukan pemimpinnya dan dalam pencapaian sebuah negara Malaysia yang aman dan bersatu padu seperti yang diperjuangkan terus menerus hingga ke detik akhir hayatnya.

Kita akan terus mengingati Allahyarham sebagai seorang penjawat awam yang tiada bandingan. Beliau adalah seorang tokoh yang telah mengabadikan sebahagian besar hidupnya untuk berkhidmat kepada rakyatnya. Baginya khidmat tersebut adalah lebih dari pekerjaan atau kewajipannya. Itu adalah satu kelebihan, kelebihan yang dijalankan oleh Allahyarham dengan penuh kejujuran, kehormatan dan ketetapan.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, even during the years when disease wasted his body and ill-health sapped his energies, he toiled on silently, as we now know, and conducted his responsibilities in no less a courageous manner.

Tuan Yang di-Pertua, what kind of man is this who fought against time when he knew time was already against him? Tuan Yang di-Pertua, what kind of man is this who fought to fulfil the dreams of so many others and yet had no time to dream himself? Indeed, what kind of man is this who refused to understand the meaning of rest and leisure and allowed his work to overtake him in the end?

Death cut him short at the comparatively young age of 53. He left us with dreams unfulfilled, but also a legacy, a legacy of achievements and accomplishments.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin peninggalan Allahyarham Tun yang paling berharga terhadap rakyat dan rakan seperjuangannya ialah semangat bertolak ansur dan muhibbah yang telah disemaikannya. Sesungguhnya Tun kita menghargai segala cita-cita dan harapan rakyat Malaysia dan ini dapat dilihat dari perasaan peri kemanusiaannya yang mendalam dan dengan

cara-cara yang berkesan dalam menyelesaikan masalah-masalah masyarakat. Sumbangnya terhadap penyatuan rakyat dan terhadap tujuan dan cita-cita yang sama, semua adalah menjadi bukti kepada peranan yang menggalakkan yang telah dimainkan oleh Allahyarham dalam masyarakat kita. Kita juga mengingati Tun sebagai pentadbir yang bertungkus lumus untuk membawa hasil dari pembangunan dan kemajuan kepada kawasan-kawasan yang paling mundur di negara ini. Dalam proses ini beliau juga telah berjaya membentuk satu jentera hirokratik yang bertanggungjawab terhadap kehendak-kehendak rakyat. Kini, Tun Yang di-Pertua, berbatu-batu jalanraya-jalanraya, jambatan-jambatan yang dibina dan beribu-ribu ekar hutan yang telah diteroka adalah menjadi bukti kepada Tun sebagai Bapa Pembangunan yang benar-benar memahami kehendak dan cita-cita rakyat biasa.

Dalam dasar luar negeri, kita juga telah mengenali Tun sebagai negarawan antarabangsa yang julung-julung kali memperjuangkan gugusan rantau bebas dan berkecuali bagi Asia Tenggara dan beliau menaruh penuh kepercayaan bahawa ASEAN adalah sebagai alat untuk tujuan penyatuan, kemewahan dan kekuatan yang lebih besar di rantau ini. Allahyarham Tun juga ialah seorang negarawan ulung yang telah memainkan peranan penting untuk menggerakkan hubungan antara negara-negara yang menganuti berbagai ideologi. Lawatan beliau ke Peking, Moscow dan Washington mencerminkan kepercayaan beliau terhadap dasar berkecuali sebagai prinsip utama dalam dasar luar negeri Malaysia. Penghargaan tinggi yang telah diberi kepada negara kita dalam perbincangan dunia hari ini adalah menggambarkan kedudukan Tun di mata dunia dan kedudukan Tun sebagai pemimpin negara kita.

But even as we treasure the heritage he left us, we have no doubt that the Tun would rather that we remember him not for his worldly achievements but rather for the personal qualities of the man himself—unpretentious, unassuming, dedicated, zealous, resolute—these qualities distinguished him from lesser men. His most outstanding attribute perhaps was the humility he brought to his office and to his work. For him, there was nothing to distinguish between the man who sat behind a desk or the man in front of it; nothing to separate the man with coat and

tie from the man with open-collared shirt, for the Tun believed in the ultimate equality of all men. Title, status, prestige and office were to him merely transient trappings of a material world. In death, he has found the complete equality he has sought for himself and for others in life.

Tuan Yang di-Pertua, kini adalah terlalu awal untuk sejarah memberikan nilai kepada Allahyarham Tun tetapi ini adalah menjadi ukuran keagungan yang mana hanya sebilangan kecil yang dapat benar-benar menandingi apatah lagi mengatasi kebolehan beliau dalam memainkan peranan penting dalam kehidupan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita mempelajari dari contoh Tun itu. Biarlah perasaan peri kemanusiaan dan hasratnya yang mulia mendorong kita untuk berkhidmat terus-menerus kepada rakyat dan watan. Marilah kita sekarang membaharui semula azam kita bagi memenuhi cita-cita dan harapan Allahyarham untuk mewujudkan negara Malaysia yang demokratik, adil dan bersatupadu. (*Tepuk*)

3.28 ptg.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat usul di atas nama Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri yang di hadapan Dewan ini tak dapat saya kemukakan bagi dibahaskan sebelum saya sendiri melafazkan sepatah dua ucapan takziah dan begitu juga Yang Berhormat Tan Sri Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan ini waktu saya temui beliau pada petang semalam di Hospital Assunta Petaling Jaya kerana menerima rawatan, telah melahirkan betapa inginnya beliau sendiri hendak menyampaikan ucapan takziah ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, setelah mendengar Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri membentangkan usul di hadapan Dewan ini, maka apakah ucapan dan pujian yang setimpal terhadap Allahyarham itu. Bagaimanakah kita hendak mengukur kualitinya dan kebaktiannya kepada negara dan kepada tanahair dan kepada rakyat jelata. Saya tidak dapat mencari perkataan untuk memenuhinya kerana Allahyarham adalah seorang insan yang berbagai sifatnya dan kejayaannya di dalam pelbagai segi kemajuan tanahair kita sekarang telah menjadi warisan kebangsaan nasional

kita dan telah mengkagumkan bukan sahaja negara-negara di rantau ini bahkan mengkagumkan seluruh dunia.

Di dalam dua minggu yang lepas ini semenjak Allahyarham kembali ke Rahmatullah tidak putus-putus mencurahkan lafaz-lafaz takziah dan tanda-tanda kehormatan terhadap Allahyarham yang kita kasihan itu, bukan sahaja datangnya dari seluruh negara bahkan dari seluruh dunia, jadi apakah yang dapat kita tambah lagi.

Pemimpin-pemimpin besar dan orang-orang yang terkemuka diabadikan dengan tugu-tugu peringatan dari gangsa dan marmar, tetapi Allahyarham Tun Haji Abdul Razak ketika beliau masih hidup lagi telah berjaya menyemaikan kasih sayang terhadapnya di dalam hati berjuta-juta rakyat jelata yang kaya dan yang miskin yang bangsawan dan yang biasa. Selama lebih 20 tahun ini Allahyarham telah membantu membentuk nasib negara kita dan di akhir-akhir hayatnya Allahyarham telah mempengaruhi cara hidup dan cara berfikir sebahagian besar warganegara kita.

Allahyarham telah menjelajah ke segenap ceruk dan rantau negara ini telah lebih jauh dan lebih luas daripada sesiapa jua pun di dalam sejarah tanahair kita ini, sehingga Allahyarham bukan dikenal dengan namanya sahaja dari jauh tetapi sebagai kenalan dan sahabat yang sudah pernah bersama-sama berjabat salam dengannya.

Pada 2hb Disember yang lalu setelah saya menandatangani sidang mesyuarat Dewan ini, saya telah bersiap untuk berlepas ke tanah suci untuk menunaikan fardhu haji pada malam itu juga dan pada pukul 8.00 malam, malam itu dengan tiba-tiba Allahyarham ditemani oleh Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah mengunjungi rumah saya bagi mengucapkan selamat saya menunaikan ibadat haji, kerana ini saya mengetahui terutama beberapa tahun yang ke belakang ini Yang Amat Berhormat itu telah mengambil berat dan beliau sendiri mengamalkan syariat Islam. Kepada saya kunjungan itu sangat besar ertinya kerana rupanya itulah kali yang akhir saya berhadapan dengan wajah Allahyarham.

Hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerusi yang biasa diduduki oleh beliau di sebelah kanan saya ini kosong dan beliau tidak ada lagi bersama-sama kita menyerikan

Majlis ini dengan kearifannya, dengan kebijaksanaan dan ketenangannya dan dengan sifat keadilan kepimpinannya, tetapi Allahyarham hidup dengan kita di dalam hati berjuta-juta rakyat Malaysia di tanahair yang dicintainya. Allahyarham telah membuktikan daripada sifat-sifatnya sebagai ahli legislator dan sebagai Ahli Parlimen iaitu ia adalah seorang Ahli Parlimen yang menjadi contoh sebagai model parliamenterian dan telah dibuktikannya bahawa ia telah mempunyai keyakinan yang kuat terhadap demokrasi berparlimen. Apakah lagi yang dapat kita katakan terhadapnya disaat dan peristiwa ini, melainkan menundukkan kepala dengan segala perasaan yang insaf dan merendah diri mengenangkan bakti seorang putera Malaysia yang begitu unique bukanlah satu perkara yang mudah hendak mengukur kebesaran seseorang manusia yang sudah membentuk sejarah kemasyhuran seorang pemimpin yang turun naik, kurun berganti kurun oleh kerana kepentingan-kepentingan dan nilai-nilai yang berubah-ubah dari jenerasi ke jenerasi yang datang kemudiannya. Walaupun demikian, ukuran yang diberikan oleh orang yang sezaman dengannya pada lazimnya tidaklah begitu jauh sangat bezanya daripada ukuran yang diberikan oleh orang di dalam zaman-zaman kemudiannya dan tempat Allahyarham di dalam sejarah kebangsaan kita sudah terjamin dan akan tercatat dengan tinta emas. Bukan menjadi tujuan saya di sini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian hendak memberikan kerjaya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak sebagai seorang ahli politik dan seorang negarawan yang tidak ada tolok bandingnya, bukan bagi saya hendak mengesahkan peristiwa-peristiwa penting di dalam riwayat hidupnya dengan rekod-rekod pencapaian kejayaannya, menyatakan segala masalah yang dihadapi dan yang diatasinya, segala pengaruh sosio-politik zamannya yang telah menyentuh serta membentuk kehidupan segenap rakyat Malaysia dan juga cara berfikir pemimpin-pemimpin dunia yang sezaman dengannya. Ini semuanya sudahpun menjadi pengetahuan umum lebih-lebih lagi di dalam masa dua minggu ini. Kalau perasaan umum meluap-luap di saat-saat meninggalnya seorang tokoh yang bersejarah maka bukanlah mudah bagi seseorang yang sezaman dengannya memberikan nila an yang objective, tetapi ada satu perkara yang dapat kita katakan yang tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun, iaitu pada hari ini kita insaf bahawa selama 20 tahun ini

suatu cahaya telah menyinari dalam alam Malaysia ini cahaya itu bukan sahaja telah membantu memerdekakan tanahair dan rakyat Malaysia daripada belenggu politik asing, tetapi juga telah membentuk nasib ekonomi negeri kita kepada suatu taraf kemakmuran yang menjadi idam-idaman negara-negara yang sedang membangun.

Hari ini cahaya itu sudah padam dan meninggalkan kita dalam beberapa ketika kegelapan ini kita rasai di hati kita masing-masing. Allahyarham adalah seorang pemimpin yang agong semasa hayatnya, akan tetapi keagongannya ini lebih-lebih lagi ternyata di saat kepergiannya yang trajik.

Dapatkan Malaysia melahirkan lagi seorang putera dan patriot, seorang patriot yang lebih mulia dari Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Inilah orangnya yang menjadi kenangan kita hari ini. Kita bersedih dan kita akan kenangi selama hayat kita kerana kehilangannya yang trajik itu berlakunya di saat kita masih memerlukan pimpinannya. Tetapi walaupun sudah wajar kita bersedih, kita harus juga insaf bahawa sebaik-baik kenangan, sebaik-baik penghormatan yang dapat kita berikan kepadanya ialah memandangkan kepada masa depan, masa yang telah dirancangkan oleh Allahyarham untuk kemakmuran rakyat dan tanahair yang dicintainya. Saya harap kita akan dapat meneruskan tugas besar yang telah dipikul oleh Allahyarham yang telah tercapai olehnya dengan begitu berjayanya supaya hidup kita berjasa menerima warisan mulia yang telah ditinggalkan oleh Allahyarham itu.

Kepada Yang Berbahagia Toh Puan Rahah, saya sedar dan memahami bahawa sukar bagi seseorang pemimpin itu mencaipkan kejayaan yang dihajatnya, jika tidak dengan persefahaman, simpati dan galakan dari seorang isteri. Dalam hal ini, Toh Puan Rahah dengan sifat-sifat mulianya telah memainkan peranannya sebagai seorang isteri dengan memberikan segala galakan dan inspirasi kepada Allahyarham dan saya mengucapkan setinggi-tinggi takziah dan mendoakan mudah-mudahan Allah akan kurniakan Toh Puan Rahah serta anak-anak dan keluarganya taufik dan hidayat serta diperbanyakkan sabar.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul yang di hadapan Dewan ini sekarang saya kemukakan bagi perbahasan.

3.42 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, dengan perasaan sedih yang amat sangat, maka saya mengambil bahagian di dalam perbahasan atas usul merakamkan ucapan takziah di atas kematian Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam menyokong usul itu, benarkan saya, Tuan Yang di-Pertua, berucap sepatah dua kata. Kematian Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak secara mengejut di London pada 14hb Januari, 1976 telah meninggalkan kita di Parlimen dan negara pada keseluruhannya seorang pemimpin yang disayangi, dihormati dan berkebolehan di waktu kemuncak kepemimpinannya dan pada masa kita memerlukannya.

Pemergiannya tidak kita sangka-sangka dan tidak pula kita membuat sebarang persediaan. Apa yang kita ucapkan hari ini adalah merupakan kata-kata betapa terharunya, pilu dan terkejut di atas kehilangannya. Ucapan-ucapan yang kita suarakan itu adalah hanya satu penghargaan kepada seseorang manusia yang banyak mempunyai sifat-sifat kebaikan rakyat Malaysia di mana-mana mereka berada tidak akan melupakannya, dan beliau telah meninggalkan kesan ke dalam semua aspek sejarah negara kita. Kami berharap bahawa kata-kata yang dilafazkan ini boleh memberikan sumber tenaga kepada keluarganya Yang Berbahagia Toh Puan Rahah dan anak-anak mereka dan merupakan satu keazaman bagi kami untuk meneruskan perjuangan hidupnya bagi faedah pembangunan, perpaduan dan keamanan negara dan kawasan Asia Tenggara ini.

Sebagai seorang yang telah bertuah ber-sahabat rapat lebih daripada 20 tahun dengan Yang Amat Berhormat Tun baik dengan secara persendirian dan melalui politik, saya masih boleh ingat dengan jelasnya beberapa detik peristiwa yang menunjukkan kemurahan hatinya dan persefahamanya yang amat sangat terhadap masalah-masalah manusia dan politik. Saya masih

ingati lagi akan kemurahan hati dan penerimaan yang tenang yang ditunjukkan oleh Yang Berbahagia Toh Puan Rahah apabila dia bersama-sama suaminya menghadapi berbagai-bagai masalah negara dan masalah rakyat biasa yang telah memenuhi kehidupan Yang Amat Berhormat Tun.

Adalah benar bahawa beliau adalah seorang manusia untuk rakyat Malaysia yang bekerja untuk memenuhi cita-cita mereka bagi mendapatkan keamanan, progress dan kemakmuran sehingga tugas yang dilakukannya itu membawa maut ke atas dirinya ketika berumur 53 tahun sahaja. Beliau mempunyai keazaman yang teguh serta paras muka yang serious tetapi hatinya lembut dan baik. Beliau ialah seorang Muslim yang tulin dan sumbangannya ke arah perkembangan Islam ada banyak. Tetapi di dalam semangat Rukunegara beliau juga sedar akan kepercayaan lain-lain agama oleh rakyat Malaysia yang bukan Islam.

Oleh kerana itu di bawah pimpinannya, beribu-ribu buah masjid dan surau telah dibina di seluruh negara, tetapi beliau juga bermurah hati memberikan segala keperluan yang dikehendaki oleh lain-lain agama. Rumah-rumah berhala Hindu dan China, Gereja-gereja dan Gurduwara-gurduwara yang beliau membantu pembinaannya kemudiannya merasmikan pembukaannya adalah merupakan bukti yang teguh terhadap perasaan persaudaraan Tun Abdul Razak dengan semua rakyat dari berbagai-bagai keturunan.

Beliau adalah seorang yang percaya teguh kepada demokrasi berparlimen dan kehidupan secara demokrasi. Apabila beliau diberikan kuasa sepenuhnya dalam N.O.C. selepas peristiwa 13 Mei, 1969; Tun Abdul Razak dengan berhati-hati bertindak memimpin negara kepada pemerintahan Parlimen dalam tahun 1971. Peristiwa peralihan kepada demokrasi berparlimen dalam masa yang singkat sahaja tidak ada tolok bandingnya di dalam sejarah Kerajaan-kerajaan moden di mana-mana pun masa ini.

Tun adalah seorang yang mempunyai kepercayaan teguh kepada undang-undang dan hak asasi semua. Tetapi selepas berjaya menjadi seorang peguam dan baru-baru ini pula disahkan sebagai peguam was called to the Bar, Tun tidak sempat untuk memenuhi cita-citanya to practise law.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, it is said that "Politicians look to the next elections, while it is the statesmen who look towards the next generations." In the late Tun, we had a Statesman whose wisdom and actions laid the basis for the well-being of Malaysians for many generations to come. A true patriot and far-sighted leader with a rare combination of vision and practical action, he did not merely dream of the future—he was a man of action who was constantly on the move, planning his actions and ensuring that these plans were put to work. His administrative talents in this regard have made Malaysia's Red and Green Books models which are being studied by students of development administration everywhere and emulated in many parts of the developing world.

It was he, under the benign Premiership of the Tunku and with the able support of the late Tun Dr Ismail, who designed the New Economic Policy and the Rukunegara as the guiding lights of the young nation. He had a passion for providing opportunities for the poor and the disadvantaged as the only enduring basis for our democratic institutions and the meeting of our people's aspirations. In this he brought to light the slogan of the International Labour Organisation, the oldest of the United Nations' agencies, that, I quote, "Poverty anywhere is a threat to Prosperity Everywhere". Indeed, it was in recognition of his abiding faith in the eradication of poverty among all Malaysians, that our late Tun was invited to address a special session of the International Labour Conference in 1974—a singular tribute to him as a leader of the Third World and to Malaysia, conferred only on very few other persons in the long 56-year history of the International Labour Organisation.

The basis of all his actions was the promise that moved us as nationalists in the early days—the UMNO, the M.C.A. and the M.I.C.—to fashion and fight for our Independence; the belief that in this land of plenty there was room for all true Malaysians; that in this nation of many races we would all be enriched if we kept faith with the Merdeka consensus among the races and the solemn pledges and understanding of the various communities to one another to respect their rights and privileges.

He would time and again re-emphasise and re-assure all of us on this basic consensus and the solemn pledges, so that we did not breach them. He would recall the long days and nights and months of toil among the leaders that produced this consensus which still underlines our Malaysian Constitution.

For this the late Tun was quick to appreciate the need for the policies of constructive consensus rather than conflict. The Barisan Nasional, which he formed with the major political parties, laid the basis for this consensus.

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam M.I.C. berbesar hati di atas kesanggupan Tun menghadiri serta berucap di dalam persidangan tahunan kami selama 3 tahun berturut-turut dalam mana saya bertuah mempengeruskannya. Kata-kata nasihat dan jaminan kepada kami pada 23hb November, 1975 apabila Jawatankuasa Pusat M.I.C. mengunjunginya di Sri Taman masih lagi segar dalam fikiran kami dan akan terus menjadi ilham terhadap segala tindakan dan sumbangan kami kepada usaha-usaha negara untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatu, progresif, makmur dan adil.

Percakapan talipon saya dari Port Dickson dengan Allahyarham Tun di hotelnya pada 7hb Januari, masih segar dalam ingatan saya selepas bertanyakan akan kesihatan saya sendiri dan hal ehwal negara, beliau memberitahu saya bahawa beliau bertambah sihat dan akan pulang ke Kuala Lumpur pada 14hb Januari, tetapi sedikit pun saya tidak mengetahui bahawa itulah percakapan saya kali yang terakhir dengan seorang pemimpin tempat saya berkhidmat dan yang saya hormati serta sanjung tinggi. Sedikit pun saya tidak mengetahui bahawa pada hari ditetapkan itu 14hb Januari, kita akan menyambut bukan dirinya sendiri tetapi berita bahawa Tun telah meninggalkan kita untuk menyahut seruan Tuhan. Sedikit pun kita tidak mengetahui bahawa seorang pemimpin seperti Tun telah bekerja untuk kita sepanjang hayatnya dan menjadi bahan sejarah dalam negara kita telah meninggalkan kita semua dengan tiba-tiba tanpa sebarang persediaan.

Kita telah sampai kepada penghujung satu zaman dan akan menempoh zaman baharu, tetapi mengikut jejak langkah yang telah diturnya dengan penuh cita-cita dan harapan. Kita mulakan zaman baharu dengan semangat yang tekun sama seperti yang telah

ditunjukkan oleh Tun sehingga nafasnya yang terakhir dalam membina negara kita serta mengurangkan jurang perbezaan antara masyarakat Malaysia. Muga-muga Tuhan akan mencucuri rahmat ke atas rohnya serta memberikan kita kebijaksanaan, kekuatan serta persefahaman untuk mengikut jejak langkahnya dalam perkhidmatan kepada negara. Muga-muga Tuhan memelihara dan memberikan tenaga kepada Yang Berbahagia Toh Puan Rahah dan keluarganya untuk menanggung satu kehilangan yang sukar dicari ganti. (*Tepuk*)

3.58 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, kami yang berhimpun di Dewan yang mulia ini untuk menghormati salah seorang anak Malaysia yang terulung, Allahyarham Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua yang telah meninggal dunia di London pada 14hb Januari.

Pertama kalinya saya terdengar berita kematian Allahyarham Tun Razak ialah ketika saya berada di rumah seorang kawan saya di Kuching, pada saat itu saya sungguh merasa terperanjat dan sedih pilu. Pada hari itu, sebenarnya, saya adalah menerbangi ke Kuching untuk lawatan tujuan politik, tetapi, dilarang masuk dan diberhentikan di lapangan terbang Kuching dengan arahan dari pihak Kerajaan Negeri. Selepas satu hari bertengkar dengan pihak Imigeresen Negeri dan pihak berkuasa Negeri, barulah saya dibenarkan untuk bermalam di bandar Kuching dengan arahan bahawa saya harus meninggalkan Kuching pada hari pagi esok. Saya berniat untuk tinggal di sana dan mencabar arahan itu, tetapi berita kepergian Allahyarham Tun Razak telahpun mengubahkan segala-galanya, kerana saya hendak pulang ke Kuala Lumpur—my first thought was to return to Kuala Lumpur—untuk memberikan penghormatan terakhir kepada seorang Perdana Menteri yang seumur hidupnya telahpun dipersembahkan kepada perkhidmatan negara kita. Pada ketika itu, jika sekiranya pihak berkuasa Sarawak telah mengizinkan saya tinggal di sana, saya pun haruslah pulang ke Kuala Lumpur.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan ini tentu masih teringat akan kali terakhir kita menjumpai Allahyarham Tun Razak, iaitu dalam satu jemputan yang diadakan oleh

Allahyarham Tun Razak di kediaman rasminya, Sri Taman pada 16hb Disember 1975, selepas persidangan Belanjawan yang panjang. Saya sungguh terperanjat pada malam itu, kerana lemah dan kurus kering tubuh badannya, dan ketika itu saya pun ada bercadang bahawa Allahyarham hendaklah berihat. Allahyarham menjawab bahawa ia akan berbuat demikian. Beberapa hari lepas itu, Allahyarham meninggalkan Malaysia untuk rawatan perubatan, tetapi tak disangka Allahyarham tak kembali lagi.

Kesedihan seluruh negara sebagaimana yang dialami oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa perkiraan kaumnya adalah membuktikan bahawa ketiadaan Allahyarham Tun sangat-sangat tidak bersesuaian dengan masanya. Kehilangan ini bukan sahaja adalah merupakan satu kehilangan yang terbesar dan dapat digantikan terhadap keluarganya, tetapi juga adalah terhadap Malaysia dan rakyatnya. Allahyarham Tun Razak meninggal dunia pada saat Malaysia sedang mengalami satu tempoh yang decisive dan barangkali yang terpenting di mana pengalaman politik, pimpinan dan authoritynya boleh menolong memimpin Malaysia menempoh crisis itu.

Dalam ucapan-ucapan Allahyarham Tun kebelakangan ini ada tanda-tanda menunjukkan bahawa Allahyarham menyedari masalah-masalah berakar umbi yang dihadapi oleh Malaysia dalam proses pembinaan negara sekarang tetapi dengan takdir Allah, Allahyarham telah meninggal dunia pada saat yang terpenting ini.

Sungguhpun parti saya dan saya sendiri selalu tidak dapat bersefahaman dengan Allahyarham Tun dan Kerajaannya, pada dasar-dasar pembinaan negara, ekonomi dan politik, tetapi saya dan kawan-kawan saya adalah tidak ragu-ragu untuk memberikan setinggi-tinggi penghormatan kepada Allahyarham Tun sebagai seorang yang jujur dan integrity, berdedikasi terhadap tugasnya sehingga Allahyarham menghembuskan nafasnya yang penghabisan demi kepentingan rakyat dan negara. Dedikasi Allahyarham terhadap tugasnya, perasaan tanggungjawab yang tinggi dan cintanya terhadap negara akan tersebar luas di masyarakat kita dan tauladan cemerlangnya adalah perlu dicontohi oleh seluruh rakyat Malaysia. Selain daripada qualitynya dalam menguruskan hal ehwal negara ini, watak integritasnya adalah

tidak disoalkan oleh sesiapa pun. Ini adalah mustahak ketika orang ramai yang bersedia untuk mempercayai bukan selalu tanpa alasan tentang kebiasaan korupsi orang-orang yang berkedudukan tinggi dalam politik baik di peringkat Kerajaan Negeri atau di peringkat Persekutuan. Nama Allahyarham Tun Razak akan dijunjung tinggi dan termaktub dalam sejarah Malaysia kita. Bagi pihak parti saya sendiri dan pihak Pembangkang, saya ingin menyampaikan takziah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya atas kepergian Allahyarham Tun Razak.

4.03 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk sama-sama menyokong usul bagi merakamkan perasaan sedih dan dukacita yang amat sangat serta menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya di atas kepergian Allahyarham Tun yang telah kembali ke alam baqa pada beberapa hari yang lepas. Peristiwa pemergian Allahyarham Perdana Menteri, Tun Abdul Razak memang merupakan satu sejarah besar yang telah menyentuh perasaan setiap rakyat di negara ini. Seluruh rakyat telah terperanjat menerima berita daripada Kota London pada hari Rabu, 14hb Januari, 1976 yang baharu lepas, ratusan ribu rakyat telah datang berhimpun di Ibu Kota dengan membawa berbagai-bagai perasaan di wajah mereka yang bercampur sedih itu terbayang tandatanya mengapa pemimpin mereka begitu segera meninggalkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berita kematian Allahyarham Tun Abdul Razak itu rakyat seluruhnya boleh dikatakan tidak menyangka sekali-kali yang mana pemergian Allahyarham Tun itu ke London dan kembalinya beliau untuk meninggalkan kita buat selamanya. Ya, dengan kehendak Tuhan yang maha kuasa, kejadian itu telah berlaku, ianya tidak dapat diubah-alih serta didolak-dalikkan lagi. Dari Allah kita datang, kepadanya jua kita akan pulang.

Tuan Yang di-Pertua, memang sukar untuk digubah kata dan disusun bahasa dalam mengenangkan riwayat hidup dan jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai seorang tokoh pemimpin bangsa dan negara kita yang dikasihi, kerana jasa pimpinan dan

perkhidmatan Allahyarham itu kepada negara adalah mengatasi seribu bahasa, pujian dan sanjungan. Semenjak dari zaman tahun 50-an dahulu lagi bulan sabit ketokohan Allahyarham itu sebagai seorang pemimpin agung telah mula memancar sinarnya di celah-celah ombak dan awan pergolakan dan perkembangan politik di tanahair kita pada hari ini. Tidak siapa yang dapat menafikan bahawa Allahyarham itu telah memainkan peranan penting lagi utama dalam perubahan sejarah dan politik negara ini. Dari sebuah negara yang terjajali menjelma sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan dari sebuah negara yang mundur bertukar rupa menjadi sebuah negara membangun, berkemajuan di sebelah Asia Tenggara ini.

Kita semua tahu Allahyarham itu semasa hayatnya masih belum jemu untuk memberi khidmat kepada negara meski pun beliau kelihatan uzur di saat-saat akhir manakala negara pula masih ketagih kepada pimpinan dan bimbingannya, tetapi kehendak Tuhan yang maha kuasa memang mempunyai hikmat dan tujuan di atas segala hal yang berlaku. Allahyarham Tun Abdul Razak dikehendaki kembali ke Rahmatullah lebih awal dari kehendak dan hasrat kita semua. Maka Allah jua yang maha mengetahui segala hikmat dan tujuannya. Maka dengan perasaan yang sedih, saya sekali lagi mengucapkan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan semoga Allah cucuri rahmat di atas Roh Allahyarham Tun Abdul Razak.

4.08 ptg.

Tuan Edmund Langgu anak Saga (Saratok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul yang di atas nama Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn Perdana Menteri kita sekarang dan merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ka Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Parti SNAP, saya ingin bercakap sedikit tentang usul ini. Kepada saya Allahyarham Tun Abdul Razak adalah seorang yang sukar hendak dikritik, dipuji ataupun difahami. Semasa hayatnya terdapat orang-orang yang berkata beliau adalah seorang yang sombong

dan anti-China atau anti-non-bumiputra dalam negara kita ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu sejak pengalaman saya dengan beliau selama 13 tahun yang lalu, saya dapati bahawa beliau adalah seorang yang ramah, humble dan beliau bukan anti sesiapa. Saya dapati beliau adalah seorang yang berdedikasi, berkebolehan dan sukar hendak digantikan. Kita sedar bahawa Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun telah bertungkus-lumus dalam perkhidmatan serta jasanya kepada negara kita tanpa menghiraukan kesihatan beliau sendiri supaya objective beliau untuk mewujudkan sebuah negara yang makmur dan bersatupadu dapat berjaya.

Sebelum Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun berlepas ke London beberapa orang wakil-wakil akhbar telah meminta saya comment mengenai dengan lawatan beliau ke London itu. Tetapi saya telah mencadangkan kepada wartawan-wartawan itu supaya jangan speculate tentang lawatan Perdana Menteri, kerana saya sendiri telah memperhatikan keadaan beliau makin uzur dan serious. Kami juga berpendapat negara kita serta rantau ini telah kehilangan seorang pemimpin yang berkebolehan dan kita semua berkabung atas kepergian beliau itu.

Kami dari SNAP ingin bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya di atas pemergian Allahyarham itu.

4.13 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di atas usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan terlebih dahulu saya ingin menyatakan, saya menyokong sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini kita berkumpul di sini untuk menyampaikan perasaan dan suasana sedih terhadap kematian mengejut bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun yang dikasihi serta menyampaikan perasaan terharu dan ucapan takziah kepada balu Allahyarham Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya. Apa yang telah ditunjukkan dengan jasa-jasa beliau serta segenap pujian dan sanjungan yang diberikan kepada Tun Perdana Menteri bukan

sahaja dari seluruh lapisan masyarakat di negara ini, tetapi juga di pihak Kerajaan-kerajaan dan pemimpin-pemimpin dunia. Apakah sepatutnya lagi saya perkatakan dalam suasana yang mengharukan serta menyedihkan ini. Malaysia telah kehilangan seorang negarawan terbilang tokoh pejuang tanahair, pemimpin yang teragung lagi gigih di mana seluruh hidupnya dikorbankan terhadap kebijaksanaan terhadap negara serta seluruh rakyatnya. Tun sebagai yang dikenali rapat oleh rakan-rakan seperjuangannya serta mereka yang rapat dengannya adalah berkelulusan daripada Lincoln's Inn, London pada bulan April tahun 1949. Apabila balik ke tanahair beliau terus menceburkan diri ke arena politik dan pentadbiran negara dan tidak pula cuba bermegah-megah kembali dengan kebolehan-nya yang telah lepas.

Ketika di London bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj serta rakan-rakan lain beliau telah menubuhkan persatuan Malayan Forum, sebuah pertubuhan sosialis dan kemudiannya telah terdapat ramai daripada ahli-ahli yang mengambil peranan cergas serta penting di arena politik tanahair kita. Beliau mula meningkat serta terkenal di arena politik di dalam usianya masih remaja dan pantas sekali. Beliau telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, kemudian sebagai Setiausaha Kerajaan Pahang dan akhirnya sebagai Menteri Besar Pahang. Beliau dilantik lagi menjadi Menteri Pelajaran dalam Kerajaan Pusat serta menjadi pencipta "Laporan Razak" yang mana masih menjadi panduan policy pelajaran di negara ini, menjadi Menteri Pertahanan di samping itu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya menjadi Perdana Menteri dalam tahun 1970, ketika umurnya 48 tahun. Ini bukanlah tujuan saya untuk memuji beliau setinggi-tingginya dan adalah sangat berpatutan sekiranya saya katakan sejarah negara ini berkembang terkenal serta dikaji untuk dikenang, maka akan tercatat di bawah bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah banyak meninggalkan jasa bakti yang tetap dikenang oleh sejarah negara ini. Izinkan saya menyentuh sedikit perkara ini dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Sir, when the history of this country comes to be written, it will be written that the late Tun Haji Abdul Razak has left

his foot-prints indelibly on the sands of Malaysian history, and it can also be said that the late Tun Haji Abdul Razak did not spare himself and literally it can be said that he died with his boots on.

We hope, Mr Speaker, Sir, that we do not just come here to pay tribute to the late Tun Haji Abdul Razak but the Government will bear in mind that he has left his family and, as the Honourable Prime Minister himself has just stated, the Tun left no worldly possessions behind him and I hope the Government will take care of the family of the late Tun Haji Abdul Razak so that they do not have to suffer financially.

Banyak sudah diperkatakan tentang Tun sebagai seorang negarawan terbilang dan sebagai seorang pemimpin yang berkelibar serta lain-lainnya, tetapi tidak banyak pula diperkatakan tentang beliau di dalam bidang kesukanan. Saya masih ingat lagi semasa perang dunia kedua dahulu di mana beliau sedang menuntut di Raffles College dan mewakili Maktab tersebut dalam pasukan bola sepak dan hockey di mana beliau adalah seorang pemain yang cergas. Memang sepatutnyalah pada masa-masa akhir ini beliau telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia, dan dalam Majlis Olympic dan Persatuan Hockey Malaysia.

Semasa beliau berada di Raffles College, saya pun ada di sana dan sedang menuntut di Kolej Perubatan King Edward VII. Saya masih ingat lagi akan kebolehan dan kehandalan beliau di dalam perlawanan bola sepak dan hockey semasa menentang pasukan Medical College Union (M.C.U.).

Salah satu lagi peristiwa tentang Tun ialah semasa persidangan Parlimen pada 3hb Jun, 1965. Beliau telah mempengerusikan persidangan bagi pihak Kerajaan dan beliau telah mengeluarkan satu kenyataan tentang saya. Dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang apa yang diperkatakan oleh beliau pada hari itu:

"It seems, Mr Speaker, Sir, (said the Tun) from the Opposition Bench other than the P.M.I.P. and the Barisan Sosialis, only the Honourable Member for Batu is left out of the so-called Solidarity Convention. Although at times we may disagree with the Honourable Member for Batu, he is basically a decent man.

(*Applause*)" I then jumped up, Mr Speaker, Sir, and I said "I hope that this is not a kiss of death for me politically." The Tun then went on to say "If the Honourable Member for Batu has been an opportunist, he would be sitting next to the Prime Minister of Singapore, now the leader of the Convention. But the Member for Batu is, as I said, a decent man and cannot swallow the practice of discarding and ditching out his friends however misguided he may think they are (*Applause*), and I believe even if he disagrees with his colleagues and supporters, even in public, he still stands by them. He is a man of principle. (*Applause*)"

Mr Speaker, Sir, I quote this not with the idea of drawing attention to myself, but to show that the Tun was a man who had no malice in his heart even towards his political enemies and he had charity in his heart towards everyone.

Beliau tiada lagi di samping kita semua dan telah kembali kepada Yang Maha Esa, marilah kita berdoa semoga rohnya akan ditempatkan bersama-sama orang-orang yang salih.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak PEKEMAS, saya ingin melahirkan rasa sedih dan dukacita yang amat sangat kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya di atas kematian Allahyarham dan semoga Tuhan memberikan mereka kekuatan serta kesejahteraan setiap masa.

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul Takziah berkenaan dengan kembalinya ke Rahmatullah Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

(*Dengan izin*) We have heard in the Dewan Negara and just now in this House, the glowing tributes paid by the Honourable Members to the late Tun Haji Abdul Razak. The late Tun was indeed a patriot, a national warrior, a statesman and a foremost leader. He was also a great Malaysian, a champion of peace and social justice not only at home but also abroad.

The measure of the late Tun's greatness is evidenced by the fact that he did not abuse

the absolute powers entrusted upon him as the Director of National Operations Council but instead he chose to return the power to the people and restored Parliamentary democracy.

At home, the late Tun had laid down the foundation for implementing the New Economic Policy aimed at the eradication of poverty, irrespective of race, and the redressing of economic imbalance. He had also laid down the ground work for national unity by the formation of the National Front and through the Rukunegara. He was a prime mover in improving the bureaucratic administrative service, second to none in South-East Asia. He had initiated the drive to build up a "masyarakat berdikari".

Abroad, the late Tun had enhanced Malaysia's image as a non-aligned nation prepared to be friendly with States who wanted to be friendly with us irrespective of social system and political ideology. He paved the way towards making South-East Asia a zone of freedom, peace and neutrality because he was convinced that a neutral South-East Asia would enable the peoples in the region to concentrate on socio-economic development for progress. The late Tun had also established very close relationship with the Islamic countries.

Tuan Yang di-Pertua, so many things have yet to be accomplished. But the late Tun left us at a time when the nation needed his service and guidance most. He passed away before the fulfilment of his dream of a fair and just Malaysian society; and before the fulfilment of his dream of a free, peaceful and neutral South-East Asia.

The nation received the news of the passing away of Tun Abdul Razak in London on 14-1-1976 with great shock and profound grief.

The late Tun was a giant in both Malaysian and international politics, and he had been with us for so long that we had all taken that he would always be here to lead us. His sudden and unexpected departure would have made it difficult to look for someone to fill his shoes, if not for the fact that the late Tun had an equally capable and forceful Deputy in Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. While we grieve over the untimely death of Tun Abdul Razak, we are fortunate and grateful that there is Datuk Hussein Onn to take

over as the Prime Minister. The faith of the people in Datuk Hussein Onn is best seen from the support he is getting from all over the country.

The smooth continuity stems from the fact that the late Tun had bequeathed us with a legacy of strong leadership. He had also bequeathed us with a legacy of a sound administrative system, a national ideology, an economic philosophy, socio-economic construction and development, great ideals of social justice to all Malaysians and the concept of a pragmatic ASEAN zone of neutrality. And the new Prime Minister has pledged to continue the late Tun's work.

The late Tun had given his whole life to work for national unity, and for a fair and just Malaysian society. To give due regard to his great contribution to our nation, all Malaysians should channel their energy towards nation-building under the able leadership of Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. This is the time for consolidation. There must be a closing of ranks, a higher unity than ever before within the ruling party and among the people. The late Tun had done so many things to bring about political and economic stability, so that we and our children and their children can live in peace and prosperity. It is our duty to carry out this tradition as a mark of respect to the late Tun. We should concentrate on bringing a better way of life for the people and not be sidetracked by minor political issues. Politicians, civil servants and the people must unite to meet the problems and challenges ahead of us. Now is the time for all of us to shoulder the responsibility of transforming Tun's ideals into reality. Let us rise to the occasion and channel our energy towards nation-building.

We, therefore, urge the people to give their fullest support to Datuk Hussein Onn to bring about a "disciplined and dedicated" system for greater progress as well as more social and economic benefits to all Malaysians as envisaged by the late Tun.

We, the Gerakan, would like to take this opportunity to express our deepest sympathy and condolences to Toh Puan Hajjah Rahah and her family.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, saya mohon menyokong usul ini.

4.30 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Yang di-Pertua, Parti Rakyat Sarawak Bersatu (SUPP) dan ahli Majlis Barisan Nasional, saya suka mengambil bahagian dalam merakam ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein. Juga sebagai seorang yang telah bekerja rapat dengan Allahyarham Tun bukan sahaja sebagai Menteri Kabinet tetapi juga dalam bidang politik, kembalinya ke Rahmatullah Tun telah samasekali merisau dan menyepikan fikiran saya. Ini lebih-lebih lagi kerana Allahyarham telah banyak mempengaruhi pendirian politik saya melalui kebijaksanaan, kecekapan dan foresightnya dan pengaruh-pengaruh inilah yang telah mengamankan fikiran saya terhadap politik. Allahyarham Tunlah yang telah mententeramkan saya dalam menjalankan tugas-tugas saya yang begitu sibuk di Kuala Lumpur ini berbanding dengan keadaan tenang di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang telah merakamkan ucapan takziah kepada Allahyarham di atas segala jasa-jasanya yang tidak terhingga samada sebagai seorang manusia biasa mahupun sebagai seorang pemimpin yang mempunyai kaliber yang luar biasa. Dengan itu hanya sedikit sahaja yang tinggal bagi saya untuk berucap. Pada fikiran saya, banyak kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Allahyarham Tun yang akan dikenang dan diabadikan oleh jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Sudah tentu rakyat Malaysia dewasa ini tidak dapat melupai peristiwa pahit 13hb Mei, 1969. Penggantungan Perlembagaan dan diikuti pula oleh masa pemerintahan di bawah Majlis Gerakan Negara apabila Allahyarham Tun Abdul Razak mempunyai segala kuasa Kerajaan dalam tangannya. Penghargaan telah diberikan kepada Allahyarham bahawa adalah jarang bagi seseorang yang telah memegang kuasa yang begitu besar untuk menyerahkan kembali kuasa tersebut kepada rakyat dengan memulihkan Kerajaan berparlimen. Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Allahyarham telah melantik Majlis Penasihat Negara yang terdiri dari wakil-wakil rakyat dari segala lapisan hidup dan dari

semua parti politik yang bergabung termasuk ahli-ahli parti-parti Pembangkang seperti saya sendiri diberi peluang berbicara dan berbincang dan akhir sekali bersetuju dengan tujuan-tujuan negara, objektif-objektif dan ideology seperti yang terkandung dalam Rukunegara. Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Penasihat Negara untuk mengurangkan ketegangan dalam negara merupakan suatu langkah politik yang bijak dan pemulihan peraturan Perlembagaan selepas itu adalah suatu penghormatan yang tidak dapat dilupai kepada pemimpin agung itu. Tidak ramai, jika ada negara dalam dunia ini akan dapat berjaya dalam memulih keadaan dengan licin daripada kuasa mutlak yang telah dipegang olehnya kepada demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kepada rakyat di Sarawak, pemulaan balik pilihanraya selepas digantung selepas peristiwa 13 hb Mei, 1969 merupakan suatu kemajuan politik yang sangat penting. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, keputusan-keputusan pilihanraya sebegitu rupa mengakibatkan tiada suatu parti pun yang mendapat kelebihan ahli-ahli di Council Negeri Sarawak samada Sarawak Alliance mahupun kedua-dua parti Pembangkang. Dengan kebijaksanaan dan foresight Allahyarham Tun dalam mengambil tindakan untuk menubuhkan Kerajaan Campuran Sarawak telah menstabilkan keadaan di Sarawak yang mungkin akan menimbulkan kesukaran kepada Sarawak dan negara. Semenjak itu rakyat Sarawak telah bukan sahaja mempunyai Kerajaan yang kukuh yang dapat mengatasi masalah-masalah keselamatan yang genting dan juga dapat menumpukan haluan ke arah kemajuan. Allahyarham Tun adalah disanjung tinggi, dihormati dan disayangi oleh rakyat Sarawak di atas segala jasa-jasanya yang ternyata bukan sahaja kepada penduduk-penduduk yang tinggal di bandar-bandar tetapi juga kepada mereka yang tinggal di rumah-rumah panjang dan kawasan-kawasan luar bandar yang mana Allahyarham ada membuat lawatan.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Kerajaan Campuran Sarawak kemudiannya telah diikuti oleh negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia seperti Penang, Perak dan akhir sekali Kelantan. Kejayaan-kejayaan di bidang pembangunan dan keteguhan politik yang mana Allahyarham Tun Abdul Razak berjaya mencapainya di seluruh negara dengan

kebijaksanaannya untuk menubuhkan Kerajaan Barisan Nasional, sekarang mendapat sokongan yang tidak terhingga daripada rakyat dan akan dikenang buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan suatu perkara yang mana tidak seorang pun berucap berkenaannya. Ini ialah berkenaan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Ini telah dapat dicapai dengan pimpinan dan sokongan Allahyarham Tun Abdul Razak yang menerima konsep tersebut apabila dikemukakan kepada beliau beserta dengan kemurahan hati dan persefahaman Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mementingkan negara daripada negeri Baginda sendiri. Tanpa izin Baginda Wilayah Persekutuan tidak mungkin wujud. Penubuhan Wilayah Persekutuan telah membanggakan rakyat di negara ini yang terdiri daripada berbilang bangsa. Perpaduan antara rakyat-rakyat beginilah yang pasti membawa negara ke arah keamanan, kemakmuran dan kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan takziah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan anak-anaknya di atas kepergian Allahyarham Tun Abdul Razak. Kami turut bersedih dan ber-simpati di atas kehilangan mereka. Saya tahu bagaimana cara pun seseorang itu memberi ucapan takziah kepada Toh Puan Rahah dan keluarganya tidak dapat kita alami seperti yang dialami oleh keluarga Allahyarham Tun seperti kata pepatah—Berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul (*Tepuk*).

4.43 ptg.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri bukan sahaja sebagai anggota Kabinet Kerajaan Malaysia dari Sabah, tetapi juga sebagai ahli Kawasan Kinabalu dan juga bagi pihak Parti Berjaya, untuk menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Hussein bin Datuk Onn di atas memberi ucapan takziah dan simpati kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya. Kami, bersama-sama dengan rakyat-rakyat yang lain, berasa terharu dan sedih di atas kehilangan seorang negarawan yang besar di negara kita ini.

Allahyarham bekas Perdana Menteri Tun bukan sahaja seorang pemimpin biasa, tetapi merupakan seorang bapa kepada kita bersama iaitu seorang bapa yang mempunyai kasih sayang dan persefahaman serta mengambil berat tentang soal anak-anaknya tanpa batasan. Kehilangannya sebagai Perdana Menteri kita, adalah tidak mudah untuk diganti. Saya telah berkesempatan bergaul dan berdamping dengan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein semenjak waktu sebelum Malaysia ditubuhkan dan saya telah berkhidmat di bawah pimpinannya lebih daripada tujuh tahun. Allahyarham Tun adalah merupakan penasihat yang penyabar dan tekun bekerja dalam menolong Menteri-menteri beliau dalam berbagai perkara.

Kecenderungan Allahyarham Tun terhadap Sabah dan soal kemakmuran, dan keamanan dan kemajuan negeri itu adalah menjadi perkara yang tidak dapat dilupakan oleh rakyat Sabah. Projek-projek pembangunan yang pertama dipelupuri olehnya di Semenanjung Malaysia yang kemudiannya diluaskan ke Sabah dan Sarawak akan meninggalkan satu ingatan yang berterusan dan mendalam kepada rakyat-rakyat di negeri itu, khasnya kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Sumbangan Allahyarham Tun di dalam semua lapangan, saya rasa, tidak perlulah bagi saya menghuraikan satu-persatu di sini lagi. Allahyarham mempunyai keazaman supaya negara kita Malaysia berdiri teguh dan bersatu padu selepas peristiwa perpisahan Singapura dari Persekutuan Malaysia. Beliau ingin membawa perpaduan di kalangan rakyat Malaysia dan beliau yakin semua rakyat Malaysia, tidak kira kaum, warna dan keturunan, akan mendapat tempat yang serupa di negara kita ini. Kepada kami di Sabah, segala keazaman dan keyakinan Allahyarham tersebut telah menimbulkan perasaan kasih sayang yang erat terhadap beliau. Allahyarham Tun akan dianggapkan sebagai salah seorang negarawan, pahlawan kebebasan, patriot, berperi kemanusiaan, perancang yang teragung dan pembina bangsa, namun demikian beliau adalah seorang yang sentiasa merendahkan diri dan berjiwa rakyat.

Allahyarham Tun akan juga dikenang sebagai seorang yang sanggup bekerja keras tanpa menghiraukan kesihatan diri sendiri,

demi untuk menjalankan tugas-tugas bagi kepentingan rakyat. Tidak ada siapa yang sanggup memberikan pengorbanan yang sedemikian besar, tetapi beliau telah melakukannya secara sukarela kerana cintanya kepada rakyat negara ini. Kita tidak akan dapat membalas pengorbanan beliau tersebut yang mana setiap rakyat Malaysia merasa terhutang, hanya dengan satu jalan, iaitu dengan berusaha meneruskan cita-cita suci Allahyarham itu untuk menjamin rakyat supaya bersatu-padu, bebas aman dan maju.

Dalam masa dua tahun setengah yang lampau, kita telah kehilangan dua orang negarawan. Pukulan ini sungguh berat sekali dan sekarang ini terpulanglah kepada setiap orang di antara golongan kita supaya terus berdiri tegoh di belakang Perdana Menteri kita yang baru Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, yang mempunyai kualiti dan dedikasi yang sama. Kepada beliau, kita akan memberikan penuh taat setia dan sokongan di dalam menjalankan tugas-tugas beliau yang akan datang.

Sebagai kesimpulan, saya berdoa supaya Allah subhanahu wa taala menempatkan roh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein di kalangan orang-orang yang salih. Bagi diri saya dan keluarga saya dan sebagai mewakili Presiden dan ahli-ahli Parti Berjaya, saya menyokong dengan sepenuh hati Usul yang dikemukakan di Dewan ini dan menyampaikan kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya perasaan kehilangan yang besar dan takziah serta simpati yang tidak terhingga.

4.48 ptg.

Tan Sri Haji Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sebagai Wakil Rakyat dari Sabah dan juga sebagai Ketua Menteri Negeri Sabah dan seterusnya mewakili rakyat Sabah. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya atas usul ucapan takziah yang mana baru sahaja dilafazkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dan juga seterusnya turut merakamkan perasaan yang sedih dan dukacita yang tidak dapat dinafikan atas kesedihan ini kerana kepulangan ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dan juga di samping itu saya suka menyampaikan ucapan

takziah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan seterusnya kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengenangkan jasa perjuangan Allahyarham itu kami bagi pihak rakyat Sabah tidak dapat menafikan kerana selama Allahyarham memegang jawatannya sebagai Perdana Menteri Malaysia telah menunjukkan segala perjuangan yang mana telah diberi kepada rakyat Sabah. Atas perjuangan beliau itu rakyat tidak akan melupakan dan tidak akan menafikan oleh sebab rakyat Sabah telah faham Allahyarham itu telah diberi gelaran dengan sepenuhnya iaitu Bapa Perjuangan dan Kemajuan Pembangunan Malaysia. Maka dengan sebab itu atas jasa dan perjuangan Allahyarham itu kami bagi pihak rakyat Sabah tidaklah boleh melupakan riwayat Allahyarham itu tidak payah dibentangkan, oleh sebab rakyat Malaysia ini semua sedar jasa perjuangan beliau. Jadi, dengan itu saya tidaklah menghuraikan satu-persatunya.

Tuan Yang di-Pertua, kehilangan seorang Bapa Perjuangan dan Pembangunan Masyarakat di Malaysia ini adalah sangat-sangat menambahkan kesukaran dan bebanan yang lebih berat lagi. Ini oleh sebab takdir Allah Subhanahu wa taala, kita tidak boleh menahan tiap-tiap seseorang hamba Allah itu manakala datang Allah untuk mengambil jiwanya. Dengan itu, sesiapa juga akan kembali kepada tempat yang baka. Di sini tidak lain dan tidak bukan untuk mengenangkan jasa Allahyarham itu. Kami hanya berdoa kepada Allah subhanahu wa taala siang dan malam mudah-mudahan roh Allahyarham itu dipelihara oleh Allah subhanahu wa taala dan terjauh daripada segala seksa kubur dan juga akan ditempatkan di tempat orang-orang yang salih. Tuan Yang di-Pertua, kami sekali lagi berdoa dan mengucapkan dengan sepenuh-penuh perasaan yang sedih dan dukacita atas kehilangan seorang tokoh pemimpin yang kami sayangi itu.

Di sini juga kami bagi pihak rakyat negeri Sabah turut bersama mengucapkan tahniah kepada perlantikan bapa pemimpin kita yang kita juga sanjung tinggi iaitu tidak lain dan tidak bukan, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn yang menjadi sebagai Perdana Menteri yang baru. Dengan pemimpinan beliau itu mudah-mudahan semua

rakyat di seluruh Malaysia akan dapat maju dan jaya lagi daripada kemajuan-kemajuan yang telah dilakukan pada masa-masa yang telah lalu, mudah-mudahan rakyat akan bersatu-padu dan dapat meneruskan perjuangannya.

Kami rakyat Sabah berdoa dari semasa ke semasa supaya perjuangan itu dapat berjalan dengan licin. Akhirnya, kami sedih dan dukacita di atas kehilangan bapa pemimpin dan juga dengan sukacitanya di atas perlantikan bapa-pemimpin yang baru.

4.54 ptg.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk turut bersama-sama menyatakan dukacita saya serta ahli-ahli Parti Pesaka Bumiputra Sarawak atas kembalinya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak ke Rahmatullah dan juga memberi ucapan takziah kami kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Penghargaan kita kepada jasa Allahyarham itu telahpun dizahirkan dengan penuh perasaan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidaklah akan mengulangkan kata-kata yang sangat mulia itu, saya hanya ingin hendak menambahkan sedikit dengan menzahirkan perasaan rakyat biasa ataupun rakyat jelata di Sarawak terhadap Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Kepada rakyat di Sarawak Allahyarham itu memanglah sudah terkenal pada masa sebelum lagi kita di Sarawak masuk dalam Malaysia. Allahyarham telahpun termashyur bukan sahaja sebagai seorang Menteri dan negarawan yang bijaksana, tetapi juga sebagai seorang pentadbir yang terkemuka, cekap dan berjaya mengerakkan tenaga negara untuk pembangunan khususnya pembangunan di luar bandar.

Sebenarnya, apakala konsep Malaysia dicadangkan pada tahun 1961 sambutan di Sarawak adalah berasas kepada harapan rakyat Sarawak yang pada masa itu masih lagi di bawah jajahan British untuk bukan sahaja mencapai kemerdekaan, malahan juga untuk mendapat nikmat perubahan ekonomi seperti yang telah dilancarkan oleh Allahyarham Tun di Semenanjung Malaysia ini. Sambil Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah disanjungkan

sebagai Bapa Kemerdekaan di Sarawak, Allahyarham Tun telahpun disambut sebagai Bapa Pembangunan. Di bawah pimpinan Allahyarham, kita di Sarawak telah mendapat surau-surau, gereja-gereja dan kuil-kuil baru di sekitar bandar dan di desa sebagai lambang rakyat membaharui semangat untuk mencapai hidup yang lebih baik lagi.

Di bawah Rancangan Buku Merah yang dicipta oleh Allahyarham itu beratus-ratus jeti, jalan, bekalan-bekalan air dan beribu-ribu ekar kebun getah dan kelapa sawit telah diterima oleh rakyat Sarawak, khasnya yang di luar bandar. Beratus-ratus batu parit telah bagi pertama kalinya dibina di Sarawak dengan jayanya untuk membuka kawasan pertanian baru dan meninggikan mutu pertanian yang pada mula-mulanya bercorak traditional. Di bawah pimpinan Allahyarham juga rakyat Sarawak menyaksikan perhubungan dengan jalanraya di antara bandar Kuching dengan bandar Sibul dan pembinaan untuk menyambungkan sepanjang kawasan-kawasan di negeri Sarawak dengan jalanraya sedang diusahakan. Pendek kata, kesan pentadbiran pembangunan yang dipimpin oleh Allahyarham Tun telah mengesahkan suasana ekonomi segar bagi negeri Sarawak di mana perniagaan dan pertanian mencapai kemajuan yang belum pernah disaksi di Sarawak sebelum masa itu. Perindustrian pun muncul dengan sihat di tempat-tempat yang dahulunya tidak pernah melihat kilang. Dasar pembangunan Allahyarham itu telah memberi faedah kepada semua kaum di Sarawak, di tepi laut, di hulu sungai, di rumah-rumah panjang di kampung-kampung dan di bandar. Kasih Allahyarham itu kepada rakyat begitu mendalam sehingga Allahyarham tidak mempunyai masa lapang tiap-tiap kali Allahyarham itu melawat Sarawak.

Ingatan Allahyarham sentiasa tertumpu kepada soal: apakah masalah yang dihadapi rakyat dan bagaimanakah ianya dapat diatasi

Pernah saya, semasa saya masih bekerja di Sarawak melihat Allahyarham berjalan dengan tongkatnya ke kampung-kampung Bidayuh, di Ulu Rajang di kalangan saudara-saudara kita orang-orang Iban dan kawasan-kawasan pedalaman Sarawak yang pada masa itu masih lagi merupakan hutan tebal.

Allahyarham tidak sekalipun menunjukkan bahawa Allahyarham itu menyingkirkan diri dari tugas-tugas berat, walaupun mengalami penatlelah ataupun sakit. Sebaliknya, Allahyarham pula memikulkan bebanan yang lebih berat lagi supaya dapat membetulkan corak sosio-ekonomi masyarakat kita ini dan seterusnya mencapai perpaduan negara.

Sungguhpun telah memegang jawatan yang tinggi beberapa lama, Allahyarham tidak pernah bersikap meninggi diri dari rakyat jelata. Allahyarham sentiasa boleh dihampiri rakyat untuk tempat mengadu, untuk bercampur-gaul pada tiap-tiap masa Allahyarham itu datang melawat ke Sarawak.

Oleh sebab itu, tidaklah boleh dihairankan bahawa Allahyarham itu dianggapkan di Sarawak sebagai pemimpin kepunyaan rakyat, man of the people, yang dihormati dan disayangi di semua lapisan masyarakat. Kami di Sarawak memanglah berhutang budi kepada Allahyarham seperti juga rakyat di negeri-negeri lain di Malaysia ini. Kami memanglah masih dahaga kepada pimpinan seperti yang telah diberikan oleh Allahyarham itu.

Tetapi apa boleh buat, Allah telah menentukan suratan hidup bagi Allahyarham itu, supaya Allahyarham kembali menyahut panggilan Illahi, semasa kita belum puas lagi menikmati pimpinannya. Kita yang tinggal hanya dapat berdoa semoga Allah akan mencucuri rahmatNya kepada Allahyarham itu dan memelihara keluarganya yang tinggal.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. saya sedar bahawa ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian bercakap di dalam usul ini, tetapi saya bercadang hendak menamatkan perbahasan Usul ini pada pukul 5.30 petang.

Sekarang saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai.

5.03 ptg.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, dengan nama Allah saya bangun menyokong Usul ucapan takziah di atas kehilangan besar negara dengan kematian Allahyarham Tun Abdul Razak.

Kehilangan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan malapnya sebuah bintang yang agung dan padamnya sebatang dian yang berkilauan yang tidak kunjung kembali lagi.

Parti saya, PAS dengan puluhan ribu ahlinya turut merasa sedih dan ikut serta meratapi kematian ini dengan doa dan restu semoga Allah akan mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Tidaklah dapat pihak kami untuk menyatakan satu-persatu dan merakamkan di dalam ucapan pendek ini tentang sumbangan dan derma bakti Tun pada negara; tetapi cukuplah kalau saya dapat simpulkan dalam suatu syair yang begini bunyinya:

Buatlah baik ayohai rakan;
Ke dalam laut kamu campakkan;
Kalau tidak di kenal ikan;
Tuhan mu tahu, yakah bukan.

Dapatlah kata-kata ini disimbulkan untuk mentafsir perwatakan Tun Abdul Razak itu.

Di antara lain-lain jasa, khidmat-bakti dan sumbangan Tun Abdul Razak tidak dapat kami nyatakan dengan bahasa dan ukirkan dengan surat ialah satu peristiwa yang besar yang tidak pernah dilupakan oleh sejarah Malaysia iaitu selepas daripada pilihanraya 1969, di mana terjadinya satu trajedi berdarah.

Tun Abdul Razak dengan kehebatan fikiran, dengan ketokohan yang paling luar biasa, telah mengemukakan satu konsep baru tentang penyatuan umat dan perpaduan kaum di Malaysia atau seluruh rakyat untuk dipersatu yang dahulunya telah terpisah hampir sesuku abad di antara dua buah camp; camp UMNO dan camp PAS, dengan menjemput PAS ikut serta menyertai Kerajaan untuk memerintah dan di samping bertanggungjawab kepada umat keseluruhannya. Walaupun di waktu itu pihak Kerajaan Perikatan dengan kemenangan yang besar dapat mengujudkan sebuah Kerajaan, namun sifat Tun sebagai seorang tokoh penyatuan telah melahirkan beliau sebagai seorang negarawan yang ulung, kerana proses perpaduan umat seperti yang telah dilakukan dan berlaku di dalam pemerintahan Tun itu tidak pernah berlaku di mana-manapun di dunia ini sekarang. Parti kami ikut serta di dalam proses penyertaan itu dengan penuh ikhlas untuk sama bertanggungjawab kepada

konsep perpaduan yang dilahir dan diujudkan oleh fikiran Tun sendiri sehinggalah sampai ke saat ini; ke saat kita meratapi pemimpin agung yang kita kasihi itu.

Tun Yang di-Pertua, dari Allah kita datang dan kepada Allah kita pulang. Namun jasa Tun tetap dikenang meskipun beliau tidak akan kembali lagi. Seluruh anggota parti kami dari seluruh pelusuk tanahair melalui pernyataan ini merakamkan takziah di samping berdoa restu agar roh Allahyarham dihimpunkan di kalangan roh-roh yang saihin.

Kepada Toh Puan Hajjah Rahah, anak-anak serta seluruh keluarganya kami berharap dapat bersabar dan meneguhkan iman menghadapi satu dugaan yang pasti dihadapi oleh setiap benda yang bernyawa.

Dengan perasaan sedih dan pilu kami merakamkan takziah ini serta menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

5.06 ptg.

Tan Sri Syed Jaafar Albar (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian menyertai Usul yang dikemukakan dalam Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi.

Kita tangisi Allahyarham bekas Perdana Menteri kita Tun Abdul Razak. Kita ratapi pemergiannya untuk menemui Tuhannya; bagi menerima segala ganjaran dan balasan daripada Tuhan yang Maha Rahim, yang Maha Pengasih dan yang Maha Adil.

Tangisan dan ratapan kita itu semuanya tidak berguna, sekiranya tidak disertai dengan doa memohon kepada Allah mencurahkan rahmat ke atas roh Allahyarham. Dari itu, marilah kita bersama-sama membacakan doa dan menghadap Tuhan dengan penuh khusuk dan tawadhuk sambil mengucap "innalillahi wainna ilaihi rajiun"—kami untuk kamu, dan kami pulang kepada kamu. Wahai Tuhan, rahmatkanlah hamba Mu yang telah menyahut seruanMu. Ampunkan dan maafkan dia, muliakan kedatangannya, dan luaskan tempatnya di sisi syuhada dan salihin. Wahasuna ulaika rafika—teman-teman yang terbaik untuk manusia yang berpulang ke rahmatullah.

Kita bersedih, kita berduka atas pemergian Allahyarham Tun Abdul Razak. Tetapi tidaklah harus kesedihan kita itu menggelap

dan mengakburkan mata dan akal kita. Kita hendaklah bersabar, bertenang dan bertindak dengan bijaksana sebab di hadapan kita masih banyak masaalah-masaalah yang memerlukan usaha dan tenaga yang dipandu oleh akal yang tenteram dan disuluh oleh iman yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, orang berkata Tun Abdul Razak telah pergi dan hilang, tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, yang hilang daripada mata pandangan kita hanyalah jasad dan tubuhnya sahaja. Khidmat-khidmatnya, jasa-jasanya dan tapak-tukulnya yang ditinggalkannya akan hidup selama-lamanya menjadi satu inspirasi, contoh, tauladan dan batu sempadan kepada kita yang ada sekarang dan jenerasi yang akan datang. Walau panjang manapun saya berucap dan walau banyak manapun kalimat-kalimat yang saya akan ambil daripada kamus yang ada di atas muka bumi ini semuanya itu tidak akan memadai dan tidak akan cukup untuk mengenang jasa Allahyarham Tun Abdul Razak. Tidak dapat meliputi semua aspek perjuangannya sejak Allahyarham berjuang sebagai anak watan yang jati. Dari itu, biarlah saya pendekkan ucapan ini dengan satu ayat iaitu khidmat jasa mu akan hidup selama-lamanya dan selama ada cakrawala.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengucapkan takziah bukan sahaja kepada Yang Berbahagia Toh Puan Rahah dan keluarga Allahyarham, tetapi mengucapkan takziah kepada diri kita sendiri kerana kita telah kehilangan seorang sahabat, seorang pemimpin dan seorang patriot. (*Tepuk*).

5.12 ptg.

Datih Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuh-penuh hati Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baharu sekejap tadi ialah untuk melahirkan perasaan dukacita dan mengucapkan takziah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Rahah di atas kepulungan ke rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein yang telah meninggalkan kita buat selama-lamanya pada hari Rabu 14hb Januari, 1975 bersamaan dengan 12hb

Muharram, 1396. Peninggalan Yang Amat Berhormat yang tidak disangka-sangka ini telah memeranjatkan kaum wanita seluruhnya dan seluruh rakyat di negara ini dan juga luar negeri.

Pemergian Allahyarham saya ibaratkan sebagai kehilangan putera bangsa dan kehilangan pemimpin yang ulung; pemergian Allahyarham yang ketika rakyat sedang memerlukan pimpinan dan jasanya. Kehilangan Allahyarham sukar dicariganti. Allahyarhamlah sebagai pejuang kemerdekaan yang utama sebelum merdeka, dan Allahyarham juga memberikan tapak asas kepada negara kita selepas merdeka sehinggalah sekarang ini. Allahyarham sentiasa memandang berat terhadap negara dan rakyat yang diketuainya dengan tidak sekali-kali menghiraukan kesihatan dirinya. Jasa dan khidmat Allahyarham tidak akan dapat dilupai oleh kaum wanita khususnya. Beliau telah banyak memberikan kemajuan dan menjalankan usaha-usaha yang sedang dan yang akan digiatkan oleh kaum wanita di dalam pembangunan negara sekarang ini. Allahyarham mempunyai keyakinan terhadap sumbangan-sumbangan kaum wanita. Allahyarham telah banyak mengorbankan jasa-jasa dan tenaganya terhadap perjuangan kaum wanita. Mereka telah mencapai taraf yang tinggi dan setaraf dengan kaum lelaki dalam semua badan-badan tertinggi di negara ini seperti di Dewan Rakyat, Dewan Negara, di dalam agensi-agensi Kerajaan dan sebagainya. Kaum wanita tidak akan dapat menapak ke hadapan, Allahyarhamlah orangnya yang banyak mengiktirafkan kaum-kaum wanita kita dianggap sebahagian daripada rakyat di dalam negara ini.

Pergerakan Wanita UMNO khususnya dan kaum wanita seluruhnya sangat terhutang budi terhadap pengorbanan yang dicurahkan oleh Allahyarham itu. Allahyarham sentiasa menerima wanita-wanita di dalam sejarah kaum wanita. Allahyarham akan diabadikan untuk selama-lamanya. Wanita diberi perhatian di dalam apa juga aspek pembangunan dan pinjaman. Semasa hayatnya Allahyarham telah menumpukan perhatian terhadap pembangunan ekonomi negara khususnya pembangunan ekonomi bumiputra. Allahyarhamlah yang telah mendorong rakyat di negara ini supaya berkempen Buku Hijau dalam mengatasi inflasi atau kenaikan harga barang-barang yang ada hari ini. Allahyarham sentiasa mengambil perhatian

berat dan mengutamakan kemiskinan rakyat dan masalah-masalah yang wujud daripadanya.

Allahyarham telah meninggalkan jasa yang tidak ternilai kepada negara kita. Jasanya meliputi semua bidang pelajaran, kesusasteraan, kebudayaan, ekonomi, politik, perjuangan antara bangsa dan agama. Semasa di bawah pemerintahannya, negara ini banyak membuat perhubungan-perhubungan dengan negara-negara asing selain dari negara-negara di dalam Asia Tenggara dan beliau sebagai tenaga penggerak progresif di kalangan negara-negara ASEAN yang menyesuaikan taraf keteguhan di kalangan antara bangsa. Namanya patut diabadikan di negara ini dan di antara bangsa.

Sebagai mengenang jasa-jasa Allahyarham yang tidak terkira banyaknya kepada negara ini saya rasa patutlah sangat pihak berkuasa membuat buku tentang riwayat hidup Allahyarham untuk renungan dan bacaan rakyat jenerasi kita yang akan datang dan membena kompleks kebudayaan dan sebagainya di tiap-tiap negeri di Malaysia, memandang jasa-jasa Allahyarham yang meliputi keseluruhan bidang, Allahyarhamlah membawa negara kita ini yang termaju sekali di dalam konteks negara-negara yang sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyampaikan ucapan takziah dan rasa bersimpati kepada Yang Berbahagia Toh Puan Rahah yang sedang sanggup dan tabah menghadapi dugaan dengan tenang dan sabar di atas pemergian Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri kita yang telah diseru oleh Tuhan maha kuasa kembali ke rahmatullah. Kami bagi pihak kaum wanita seluruhnya adalah di antara beratus-ratus ribu rakyat jelata di dalam negeri ini merasakan satu kehilangan yang sukar diganti di dalam ertikata peribahasa kita. Di sebalik peribahasa itu harus berpegang kepada seruan yang dibuat oleh Syaidinna Abu Bakar radhiallahuanhu setelah menerima berita kewafatan Nabi kita Muhammad s.a.w. Baginda telah berkata sekiranya kita atau umat Islam ini percaya kepada Muhammad bahawa Muhammad telah meninggal sekarang, tetapi jika kita percaya kepada Allah maka ajaran Allah dan Muhammad haruslah dilaksanakan sebaik-baiknya. Dengan adanya kata-kata ini saya yakin bahawa Perdana Menteri kita yang baharu akan dapat melaksanakan segala daya-usaha dan amanat-amanat pemimpin besar kita itu.

Saya yakin konsep perjuangan bangsa dan negara serta Perlembagaan dan usaha yang menjadi pegangan kita sekalian selama Kerajaan kita memerintah mula-mula dari Perikatan lalu kepada Barisan Nasional akan dapat pula terus-menerus menjadi pegangan mulai dari Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita yang baharu ini lalulah kepada anggota Jemaah Kabinetnya serta juga kepada anggota Dewan Rakyat seluruhnya lalulah kepada seluruh pihak-pihak yang diberi tanggungjawab oleh Allahyarham ketika Allahyarham masih hidup, kerana di dalam ertikata perjuangan yang permulaan itulah yang menjadi asas dan pegangan. Sekali lagi saya suka mengulang-kata-kata saya dengan menyarankan ajaran agama kita yang maha suci itu bahawa umat Islam yang ditinggalkan oleh Baginda Nabi Muhammad s.a.w. juga sedang menghadapi perkembangan Islam dan pertentangan tetapi pusaka yang ditinggalkan oleh Baginda Muhammad s.a.w. ialah dua amanat yang menjadi asas bagi kita umat Islam hari ini; pusaka itu ialah Al-Qur'an dan Al-Hadith. Dan yang ditinggalkan oleh pemimpin besar kita ialah dua buah buku yang disarankan untuk kehidupan rakyat di dalam negara ini iaitu Buku Merah dan Buku Hijau yang mana di dalam buku itu terkandung segala pertunjuknya untuk membangunkan dan mengatasi nasib rakyat di dalam negara ini, terutama sekali bumiputra kita sendiri. Maka dengan itu, di samping saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri kita yang menggantikan Allahyarham Perdana Menteri kita yang lalu adalah diibaratkan sebagai patah tumbuh hilang berganti. Sebagai seorang anggota Dewan Rakyat, saya adalah menyokong penuh kepada perlantikan ini dan mengharap kepada Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri kita sekarang ini akan mengikuti jejak Syaidinna Abu Bakar radhiallahuanhu yang memegang kuat kepada konsep yang ditinggalkan oleh Rasulullah, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini adalah seterusnya berpegang kuat kepada asas-asas yang dibangunkan bersama-sama dahulu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini menjadi Timbalan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya menyampaikan perasaan kesyukuran kepada perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, di sini ada Usul yang kedua, jadi tidak kena tempatnya hendak bercakap masa ini.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Akhirnya, di samping mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka saya mengucapkan takziah kepada Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya dan diharap sentiasa di dalam keadaan menanggung kesabaran di atas kehilangan Allahyarham Perdana Menteri kita baru-baru ini.

5.21 ptg.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama menyokong penuh Usul ini. Di samping itu, saya mengambil peluang menyatakan dalam Majlis yang mulia ini bahawa dengan kepulangan ke rahmatullah Allahyarham Tun Abdul Razak, Malaysia telah kehilangan seorang jaguh dan pahlawan negara yang telah mengambil peranan yang terpenting dalam segala perjuangan dan tindak-tanduk untuk memerdekakan negara yang kita sekalian kasihi ini dari sejak awal-awal lagi. Selepas tercapainya kemerdekaan politik Allahyarham telahpun mengorbankan masa, tenaga, menggunakan kepintaran dan kebijaksanaannya untuk memimpin dan memandu rakyat dan negara Malaysia, meninggalkan paya dan lembah kemiskinan, kedhaifan ekonomi dan buta huruf yang penuh dengan penyakit-penyakit dan kekurangan fahaman dan kacau-bilau antara kaum dengan kaum dan antara satu dengan lain.

Allahyarham Tun telah memimpin kita sekalian menuju ke arah pergunungan kemakmuran, keselesaan, kebahagiaan dan keharmonian antara satu dengan lain dan segala masyarakat dalam negeri ini dengan segala kejujuran dan hati yang tabah. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum ini adalah satu tugas dan tanggungjawab yang amat berat, tetapi Allahyarham ini telah menerima segala tanggungjawab yang telah dibebankan ke atasnya dengan tidak menghiraukan masa dan tenaga sehingga akhir-akhir ini mengorbankan jiwanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan jasanya kepada negara dan bangsa tak payahlah saya mengambil masa menyebutkan lagi dalam Majlis yang mulia ini, kerana

kita semua sedar dan tahu dengan nyata dan saya percaya dan yakin akan termeteri dalam tawarikh yang akan menjadi ingatan, panduan dan inspirasi kepada jenerasi yang akan datang. Saya cuma mengambil peluang ini dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyatakan bahawa kebijaksanaan, kepintaran dan kebolehan Allahyarham Tun untuk menjadi jaguh dan pemimpin negara telahpun lahir dan nyata pada masa beliau masih muda dan remaja. Pada masa itu saya dengan beberapa orang rakan saya telahpun bernasib baik dapat peluang bersama-sama dengannya bukan sahaja dalam negeri ini, tetapi sehingga kami melanjutkan pelajaran kami di England. Masa itu beliau lebih muda daripada kebanyakan kami, tetapi dalam apa-apa yang kami buat dan rundingkan di antara kami dengan otomatik sahaja Allahyarham Tun menjadi ketua kami. Sebagai seorang sahabat, Tuan Yang di-Pertua, beliau adalah baik dan bertimbang rasa dan sebagai seorang ketua beliau telah dapat mententeramkan dan menyejukkan darah muda yang pada masa itu selalu sahaja mengharukan pemikiran banyak daripada kami, lebih-lebih lagi di kota besar London yang penuh dengan anika benda yang boleh mengeliru dan menawan hati penuntut yang masih muda.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara saya suka sebut dalam Majlis yang mulia ini ialah kepercayaan dan pegangan kuat Allahyarham kepada keadilan dan konsep ketutamaan kuasa undang-undang dalam Perlembagaan dan pentadbiran negara. Allahyarham ialah seorang peguam dan saya yakin dan percaya yang menjadi di antara panduan yang utama kepadanya dalam menjalankan segala tugas-tugas dan kerjanya adalah keyakinan dan pegangan kuat kepada konsep yang saya sebutkan tadi. Sebagai bukti yang terang dan nyata dalam bulan Mac tahun lalu beliau telah menghadirkan diri dalam Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur sebagai seorang pemohon biasa, sebagai an ordinary petitioner for admission to the Malaysian Bar. Masa beliau membuat permohonan itu beliau adalah Perdana Menteri kita dengan segala darjah dan pangkat dan kehormatan yang tinggi yang telah dianugerahkan kepadanya, bukan sahaja oleh negara kita tetapi juga oleh negara-negara lain dalam dunia ini. Dengan keadaan demikian, tidak terupa kepada akal kita beliau telah sedia menghadirkan diri dalam

Mahkamah dan membuat rayuan kepada Hakim sebagai seorang pemohon yang biasa sahaja, tetapi Allahyarham telah berbuat demikian dan sepanjang pengetahuan saya dalam tawarikh negara-negara dunia beliau-lah Perdana Menteri yang julung kali mengambil langkah yang tersebut. Oleh itu, apabila Allahyarham telah terpilih menjadi ketua dan pemimpin negara Malaysia mulamulanya sebagai Timbalan kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra dan selepas itu sebagai ketua politik dan Perdana Menteri negara yang kita kasihi ini. Ini adalah kena pada tempatnya. Untung nasib dan masa hadapan negara Malaysia menjadi selamat dan terjamin dalam tangan seorang warganegara Malaysia yang payah dicari tolok bandingnya.

Tuan Yang di-Pertua, di antara tugas dan dasar negara yang telah dibentuk dan dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin negara kita dengan Allahyarham Tun menjadi akitek yang utama, saya ambil peluang ini menyebutnya ialah Dasar Pelajaran, Dasar Perkecualian dan di kalangan antarabangsa di samping bekerjasama dengan negara asing berasaskan hormat-menghormati antara satu dengan lain, dan dasar luar bandar untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar supaya menjadi seimbang dengan taraf hidup mereka yang tinggal di dalam kawasan bandar. Perlaksanaan dasar-dasar ini, Tuan Yang di-Pertua, telah membawa kita jauh ke arah pergunungan kemakmuran, ketenteraman dan keselesaan negara dan rakyat keseluruhannya. Oleh itu, negara dan kita adalah sangat terhutang budi kepada Allahyarham Tun. Kehilangannya dari sisi kita mengharukan fikiran dan amatlah menyedihkan, tetapi ini adalah kehendak dan khidmat Tuhan Yang Maha Kaya dan kita terima dengan segala kesabaran. Perasaan yang sedih ini tentulah lebih-lebih lagi ditanggung oleh Yang Berbahagia Toh Puan Hajjah Rahah, anak-anaknya dan keluarga Allahyarham Tun. Kepada mereka saya mengambil peluang dalam Majlis yang mulia ini mengucapkan takziah dengan doa dan harapan mereka akan penuh bersabar menerima kehilangan yang amat menyedihkan itu. Saya juga berdoa moga-moga roh Allahyarham Tun dikumpulkan oleh Allah Yang Maha Kuasa dalam golongan roh orang-orang yang salih.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul yang dicadangkan itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein dan menyampaikan ucapan takziah kepada Toh Puan Hajjah Rahah dan keluarganya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditempohkan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.58 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (2) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam atau hingga semua urusan yang ada dalam aturan urusan mesyuarat hari ini selesai dipertimbangkan ikut yang mana terdahulu.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (2) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam atau hingga semua urusan yang ada dalam aturan mesyuarat hari ini selesai dipertimbangkan ikut yang mana terdahulu.

USUL

UCAPAN TAHNIAH DAN KEPERCAYAAN KEPADA Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN SEBAGAI PERDANA MENTERI

5.58 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat bangga dan besar hati kerana diberi kesempatan dan peluang mengemukakan usul seperti berikut iaitu:

Bahawa Dewan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap pimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, setelah melafazkan ucapan takziah sedalam-dalamnya kepada pemimpin yang sangat kita kasihi, yang telah meninggal di saat yang kita masih dan sangat memerlukan pimpinannya, dan peninggalannya dengan secara yang sebegitu tak semena-mena yang meninggalkan kita dengan keadaan kebingungan dan keadaan separuh percaya separuh tidak, di dalam keadaan mengigau dan bersugul inilah maka kesedaran timbul dengan serta-merta kepada kita bahawa Allahyarham telah benar-benar meninggalkan kita dan tak akan kembali lagi.

Sebaliknya kita yang tinggal terpaksa menghadapi apa juga rintangan dan cabaran lebih-lebih lagi terpaksa dan mesti meneruskan perjuangan dengan amanah yang ditinggalkan oleh pemimpin yang kita kasihi itu. Dan sebaliknya akan berdosalah kita kepada bangsa dan negara lebih-lebih lagi kepada zuriat dan anak cucu kita akan datang kiranya dalam saat yang genting dan critical ini kita mengabaikan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita.

Adalah menjadi adat resam dunia yang terus-menerus berputar iaitu bak kata pepatah "Patah tumbuh hilang berganti, silih bertukar hidup dan mati".

Tuan Yang di-Pertua, di dalam suasana kesedihan dan kesugulan inilah maka kita turut bersyukur kehadiran Illahi kerana ke-

kosongan yang ditinggalkan itu telah dengan serta-merta dapat digantikan.

Perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein sebagai pengganti Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri dan sebagai pemimpin Barisan Nasional adalah amat tepat dan dari itu secara seponatan mendapat sambutan dan sokongan dari segenap dan peringkat golongan dan lapisan rakyat dan masyarakat.

Datuk Hussein bukannya orang baru dalam lapangan politik biar pun beliau hanya bertanding dalam pilihanraya kebangsaan dalam tahun 1969 dan pertama kali dilantik menjadi Menteri pada tahun 1971.

Sebaliknya kembalinya beliau ke dalam lapangan politik setelah meninggalkannya hampir $\frac{3}{4}$ daripada $\frac{1}{4}$ abad adalah sebagai kata pepatah Melayu "Sirih pulang ke gagang, pinang pulang ke tampuk."

Datuk Hussein bersama-sama dengan ayahandanya Allahyarham Datuk Onn dan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain bertanggungjawab mengembelingkan tenaga kekuatan dan perpaduan umat Melayu sehingga berjaya menggulingkan Pemerintahan Malayan Union. Datuk Hussein pernah memegang jawatan-jawatan penting dalam parti UMNO iaitu sebagai Ketua Pergerakan Pemuda dalam tahun 1949 dan Setiausaha Agung dalam tahun 1951.

Sebaliknya dengan latar belakang beliau sebagai Anggota Tentera, Peguam, Ahli Politik, Ahli Pentadbir dan dengan pengalaman di dalam beberapa Kementerian penting yang dipegangnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah merupakan bahan-bahan yang amat berguna yang melayakkan beliau memegang jawatan yang amat penting ini. Saya yakin dan percaya seluruh rakyat Malaysia dari semua kaum dan semua golongan akan bersyukur dan bergembira dengan perlantikan beliau dan setiap anggota dalam Dewan yang berbahagia ini dengan tidak mengira parti dan kepercayaan atau fahaman akan memberi sepenuh kepercayaan dan sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan dan kepercayaan Ahli-ahli Yang Berhormat serta seluruh rakyat Malaysia kepada Datuk Hussein Onn lebih-lebih lagi pada saat ini adalah amat penting sekali. Setiap rakyat Malaysia yang cintakan negara ini tentu

sedar suasana dan keadaan yang menyelubungi negara kita di mana Allahyarham Tun Abdul Razak telah berusaha dengan tidak mengira penat dan lelah juga kesakitannya untuk membersihkan dan melepaskan negara kita ini.

Memang tidak ada sesiapa pun yang dapat menafikan kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai baik dalam apa lapangan juga termasuk politik, ekonomi, pelajaran dan sebagainya sehingga menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang dipandang dan disanjung tinggi dan dihormati oleh negara-negara lain.

Kestabilan politik dan kebijaksanaan merancang pembangunan yang telah melahirkan kemajuan yang sebegitu pesat dibandingkan dengan masa yang sebegitu singkat semenjak kita mencapai kemerdekaan adalah merupakan satu kejayaan yang mengagumkan negara-negara lain biar pun kawan atau lawan.

Kematangan menyesuaikan perhubungan antara bangsa dengan keadaan dan suasana perubahan dari semasa ke semasa adalah menyebabkan imej Malaysia dipandang tinggi dan dihormati.

Sebaliknya biar bagaimanapun kejayaan yang telah dicapai namun kenyataan menunjukkan bahawa Malaysia masih dan sedang menghadapi ancaman-ancaman yang boleh menggugat kestabilan dan keutuhan politik dan ekonomi jika tidak segera diatasi. Sifat-sifat yang diwarisi oleh Malaysia sebagai sebuah negara multi-racial, multi-cultural dan multi-religious masih memainkan peranan dalam penghidupan rakyat sehari-hari. Sifat-sifat ini kadang-kala memberi gambaran kekuatan dan kadang-kala kelemahan kepada kita. Segala usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi menciptakan satu masyarakat Malaysia yang benar-benar bersatu-padu, bersefahaman yang bangga dan proud dengan kebangsaan dan keperibadiannya sendiri. Bagaimanapun adalah diakui bahawa anasir-anasir anti-national akan terus dan sentiasa mengeksploitasikan sifat-sifat ini untuk kepentingan mereka. Ini akan dan masih merupakan cabaran yang kita berharap akan dapat dikurangkan kalau pun tidak diatasi sama sekali dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga nanti.

Bagaimanapun cabaran dan ancaman yang lebih besar hampir keseluruhannya berpunca dari keadaan dan pergolakan sejagat yang juga mencabar dan mengancam hampir ke semua negara-negara di dunia ini. Keadaan ekonomi dunia yang merosot telah menyebabkan kemerosotan ekonomi negara kita dan begitu jugalah ancaman dan pergolakan politik kuasa-kuasa besar yang berdasarkan fahaman dan ideology juga menerbitkan ancaman terhadap negara kita sebagaimana terhadap di kebanyakan negara-negara kecil di dalam apa yang dikenal dengan nama Dunia Ketiga.

Sebaliknya memang tidak dapat dinafikan ancaman-ancaman anasir-anasir anti-nasional dan kominis terhadap keselamatan negara kita masih merupakan faktor penting menerbitkan ketakutan dan kebimbangan bahkan kehilangan kepercayaan setengah-setengah pihak terhadap pimpinan kita. Faktor ini jika tidak segera diatasi sudah tentu akan menambahkan kebimbangan dan kegelisahan yang sudah pun terbit dari kemerosotan ekonomi dunia yang telah menyentuh kedudukan dan keutuhan ekonomi negara ini.

Di sini benarkanlah saya mencadangkan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru agar menjadi tugas beliau dan Kerajaan yang beliau pimpin sekarang untuk menumpukan sepenuh dan segala usaha bagi mengembalikan semula kepercayaan rakyat kepada kebolehan dan kemampuan kita menghadapi biar pun ancaman-ancaman politik atau ancaman-ancaman ekonomi. Dan saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan membuat kajian sepenuh dan sedalam-dalamnya bagi mendapat segala faktor-faktor yang menyebabkan kebimbangan dan kehilangan kepercayaan rakyat dan mengusahakan dengan apa cara juga mengembalikan kepercayaan ini.

Dengan kembalinya kepercayaan rakyat kepada Kerajaan maka tidak syak lagi tidak akan ada satu juga masalah bahkan ancaman biar bagaimanapun besarnya yang tidak akan dapat diatasi oleh kita.

Di dalam mengusul ucapan tahniah daripada Dewan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka Ahli-ahli Dewan ini juga saya rasa akan bersetuju kiranya saya katakan bahawa Perdana Menteri kita telah memulakan tugasnya di atas

landasan yang melahirkan kepercayaan penuh kepada kita bahawa beliau akan dapat menjalankan tugasnya yang amat berat ini dengan penuh kepercayaan kita dan pasti akan dapat mencapai kejayaan yang diharapkan.

Beliau telah menegaskan bukan sekali bahawa beliau akan meneruskan perjuangan Allahyarham Tun Abdul Razak bukan sahaja dalam mencapai kebahagiaan dan keselamatan rakyat dan negara Malaysia sendiri, tetapi juga rakyat dan negara-negara di rantau ini khususnya dalam Persatuan Negara-negara ASEAN.

Bagi pihak Dewan ini dan lebih-lebih lagi dari parti yang saya mewakili iaitu UMNO yang Datuk Hussein sendiri menjadi Pemangku Presidennya sekarang, saya ingin merakamkan bukan sahaja kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri tetapi juga berikrar akan memberi sepenuh-penuh sokongan di dalam segala usaha beliau memimpin Kerajaan demi untuk kepentingan dan perpaduan seluruh rakyat dan negara Malaysia yang kita kasihi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

6.10 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Senu bin Abdul Rahman. Kami di dalam M.C.A. menyokong usul yang mengatakan kepercayaan kepada Perdana Menteri baru, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn dengan sepenuh-penuh hati.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini negara kita telah merasa pilu di atas kembalinya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Kita telah kehilangan seorang pemimpin yang agung, seorang anak yang bijak di negara kita. Allahyarham Tun bukan hanya seorang pemimpin nasional, tetapi seorang yang mempunyai kebolehan pentadbiran yang luar biasa dan mempunyai pandangan yang jauh. Sebagai seorang Jurbina pembangunan negara beliau telah membuat Blueprint untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil, saksama dan perpaduan negara.

Di dalam bidang hal ehwal luar negeri Allahyarham Tun telah membuat satu dasar supaya Asia Tenggara boleh dijadikan satu zon keamanan dan neutrality.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, as a whole the late Tun had made Malaysia, though a small country, a giant in ASEAN leadership. Although his death is very untimely, his achievements will be a living testimony to his great contribution to our Malaysian nation and the ASEAN region. And so now the torch of leadership and the responsibility has been passed on. We now have a new Prime Minister—the third in the history of our country—in the person of Datuk Hussein Onn. Whilst a different hand now carries the torch, it is the same—it is our torch. It embodies all the principles we hold dear, the principles upon which the Rukunegara was formulated.

Tuan Yang di-Pertua, we in the M.C.A. have great faith and trust in Datuk Hussein Onn's ability. We know him to be a man of firm principles, a person who is fair and just-minded. He is a worthy successor to carry the torch of responsibility and leadership.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri baru kita apabila dilantik ke jawatan itu telah menjanjikan beliau akan terus-menerus menjalankan dasar Allahyarham Tun supaya mencapai matlamat-matlamat negara kita. Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn adalah seorang pemimpin terkenal dengan kejujuran integriti, amanah dan berkesan. Seperti Allahyarham Tun, Datuk Hussein Onn adalah seorang yang action-orientated. Beliau percaya penuh pemerintahan dengan cara demokrasi berparlimen. He is a man who believes fervently, like the late Tun, in the Rule of Law and Parliamentary democracy. Above all, he has shown his great determination to translate the vision of the late Tun into reality, and to continue to play an active and effective part in the affairs of the ASEAN region.

Selepas Allahyarham Tun beliau boleh dikatakan seorang pengganti yang terbaik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru. Dalam tahun-tahun yang lalu Datuk Hussein Onn telah dibentuk oleh tiga disiplin iaitu military, undang-undang dan politik. Dengan disiplin itu kami percaya Perdana Menteri baru Yang Amat Berhormat Datuk Hussein

Onn tentu boleh melanjutkan usaha Allah-yarham Tun iaitu mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, at this juncture of time, the nation looks for fair and honest leadership. Now we are grateful that we have the best man to lead us and to build a united Malaysian nation. As an example to the nation, and by words and deeds, Datuk Hussein Onn upholds the principle that public office is public trust. He has, on more than one occasion, demonstrated that it is so by his sense of justice and fair-mindedness in dealing with issues of the nation. Malaysia is a multi-racial country. Therefore, it needs a man in the person of Datuk Hussein Onn who has the greatest patience, tolerance and the spirit of compromise to ensure an equilibrium of communal interest. Malaysia is a miniature United Nations. Like the United Nations, which is made up of a family of different nations, our Malaysian nation is a large family of different communities. As such, we must set a lasting example to the world that the Malaysian family is a stable, harmonious and a united family.

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hussein Onn was moulded from a background of grass-root politics to become a national leader and hence he understands very well the ideals and aspirations of our people. Now at the helm of national leadership, he has the maximum of experience in political life and proven administrative capacity. Therefore, the whole nation knows he is the most appropriate choice for the Prime Ministership.

Tuan Yang di-Pertua, rekodnya dalam perkhidmatan umum menunjukkan bahawa beliau betul-betul seorang yang menjalankan tugasnya dengan sungguh-sungguh pada kebajikan rakyat jelata. Beliau mempunyai semangat adil dan tolak-ansur, tetapi beliau juga boleh mengambil satu pendirian yang teguh atas masalah-masalah yang berhubungan dengan harmoni kaum dan kemajuan negara. Beliau juga seorang pejuang politik yang kuat kerana beliau sentiasa sesungguhnya mencari cara yang adil untuk menyelesaikan masalah-masalah masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah saat untuk perpaduan. Seharusnya kita semua bersatu-padu supaya mencapai matlamat-matlamat negara. Malaysia sekarang masih dalam keadaan menuju kepada pembangunan

yang lebih besar sekali. Di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn, kita akan mencapai kejayaan yang lebih besar sekali dalam semua bidang. Dalam proses ini kita akan mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama di mana semua rakyat Malaysia akan menikmati hasil-hasil pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami di dalam M.C.A. menjamin sokongan penuh dan taat setia teguh kepada Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, the illustrious son of an illustrious father. Kami yakin bahawa beliau akan memainkan peranan penuh kejujuran, amanah dan keadilan dalam hal ehwal negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, whether in good fortune or in adversity we in the M.C.A. will fully support our Prime Minister. As the Malay saying goes; in good fortune: berkuah sama menghirok, bersambal sama menculek. In adversity, telentang bersama menadah embun, tiyarp sama-memakan pasir.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya bagi pihak M.C.A., saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn atas perlantikan sebagai Perdana Menteri. Dengan demikian, saya mohon menyokong usul yang dicadangkan. (Tepuk).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di Dewan ini ialah satu usul atas nama Yang Berhormat Datuk Senu Abdul Rahman yang berbunyi:

Bahawa Dewan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap pimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Usul ini sekarang terbuka untuk perbahasan.

6.22 ptg.

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta memberi sokongan penuh kepada usul yang dikemukakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

Saya merasa sungguh bangga dan bertuah kerana dapat berkhidmat di bawah pimpinan tiga orang Perdana Menteri, mula-mulanya Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, kemudian Allahyarham Tun Abdul Razak dan sekarang pula di bawah Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn.

Kami rakyat Sarawak mengenal Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebenarnya menerusi pada mula-mulanya Allahyarham ayah beliau iaitu Datuk Onn. Dalam masa Semenanjung Malaysia ini ketika itu Malaya berjuang untuk menentang konsep Malayan Union, nama Allahyarham Datuk Onn telahpun dikenali di seluruh negeri kita malahan di Sarawak juga. Kita memandang Allahyarham itu sebagai tokoh-tokoh pejuang kita juga untuk melepaskan kita daripada penjajahan British. Kita merasa sungguh bertuah bahawa pada masa ini kita dipimpin tidak lain dan tidak bukan ialah oleh seorang anak daripada jaguh pejuang kemerdekaan negara kita ini iaitu Allahyarham Datuk Onn.

Saya rasa gambaran sifat-sifat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diberi oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman begitu jelas, begitu tepat dan inilah dia Datuk Hussein Onn yang memimpin kita sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedari bahawa negara kita sekarang menghadapi berbagai-bagai cabaran, dan ada yang berpendapat cabaran keselamatan negara kita akan sungguh diutamakan, patut diselesaikan, tetapi saya rasa kita jangan lupa mengenai perasaan sedih, mengenai hasrat rakyat yang masih tinggal jauh di belakang, iaitu mereka yang masih lapar, mereka yang masih belum cukup makan, mereka yang masih belum mendapat layanan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang tinggi. Ini tidak kerana kurang pentingnya daripada masalah keselamatan dalam negeri. Sebenarnya kedua-dua masalah ini hendaklah diselesaikan dengan serentak tidakasing-asingkan.

Saya yakin bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dengan disokong oleh rakan-rakan Menteri-menteri yang kesemuanya mempunyai sifat-sifat yang boleh kita puji yang mempunyai quality penuh dedikasi baik daripada MCA, baik daripada UMNO, baik daripada MIC

dan seterusnya masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang kita hadapi dapat kita selesaikan.

Kesetabilan politik memang ada dalam negara kita ini. Mana satu negara yang tidak merasa sekarang sedikit keluh kesah, memang ada. Tetapi boleh kita katakan di rantau ini kitalah sebuah negara yang paling bertuah, kerana kita telah dipimpin oleh Kerajaan yang betul-betul berjiwa rakyat. Dan inilah quality yang saya rasa ada pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menjadi seorang pemimpin rakyat yang sebenarnya, pemimpin itu harus sanggup mengabdikan dirinya kepada rakyat. Dan saya rasa ini telah ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kepada negara kita seperti yang telah ditunjukkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman dan telah ditunjukkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bekas Perdana Menteri kita dulu iaitu kesemua tokoh-tokoh yang ada, mereka itu bukan sahaja memikirkan sebagai pemimpin tetapi yang penting kepada mereka itu mengabdikan diri kepada perjuangan negara dan perjuangan rakyat.

Kita bernasib baik mendapat semenjak sebelum merdeka di Semenanjung dan kemudiannya sesudah merdeka sampai sekarang, tokoh-tokoh yang mempunyai quality yang payah hendak dicari di dalam negara yang lain sekarang, di mana pergolakan politik di negara itu merosakkan negara itu sendiri. Quality ini kita dapat melambangkan suatu kebanggaan kepada rakyat Malaysia, khususnya kepada rakyat-rakyat keturunan Melayu, dan khususnya kepada Parti UMNO sendiri kerana UMNO lah yang telah dapat memilih pucuk pimpinan yang seperti ini, yang dapat membuah quality yang kita sebutkan di kalangan tokoh-tokoh yang telah membimbing kita sekalian selama ini.

Saya berharap semoga apa yang telah menjadi dasar kuat bagi UMNO akan terus diperjuangkan dan dipertahankan, kerana UMNO merupakan teras kepada kesetabilan politik di dalam negara kita ini. Kebolehan UMNO dan kebolehan pemimpin-pemimpin UMNO membawa parti-parti lain dalam Barisan Nasional adalah suatu perkhidmatan yang sangat besar sekali kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menyedari bahawa tugas beliau di antara lain bukan sahaja untuk menjalankan rancangan pembangunan, menghapuskan kemiskinan, menjamin kestabilan politik dan lain-lain tetapi termasuk juga dalam tugas itu mendidik tokoh-tokoh yang akan menggantikan tokoh-tokoh yang ada sekarang kemudian hari nanti. Tugas ini penting, tugas ini telah dijalankan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri, telah dijalankan oleh Allahyarham Tun Razak dan saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri juga akan meneruskan tugas yang begitu penting untuk menunaikan, untuk menjaminkan bahawa perpatah Melayu itu dapat ditepati iaitu "patah tumbuh hilang berganti".

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu sistem yang menjaminkan kebaikan dalam keadaan negara kita iaitu pemimpin-pemimpin bertugas selain daripada tugas biasa sebagai Perdana Menteri menjalankan pembangunan tetapi mendidik rakan-rakan yang lain untuk menggantikan mereka di masa-masa yang akan datang. Kita telah banyak mendengar ucapan di Dewan ini pada hari ini tadi mengenai Allahyarham Tun Abdul Razak telah meninggalkan kita buat selama-lamanya tetapi kita jangan lupa, kita telah diingatkan di dalam kitab suci Al'Quran yang bermaksud, "jangan kita mengira mereka yang gugur dalam perjuangan di jalan Allah sebagai mati", mereka tidak mati. Perjuangan mereka itu akan berterus-terusan, perkhidmatan akan berterus-terusan, dasar-dasar yang baik akan berterus-terusan. Di samping itu kita harus praktikal dan preketik yakni meneruskan dasar yang lama yang telah kita warisi daripada pemimpin-pemimpin kita. Kita jangan terlalu terikat kepada cara di masa yang lampau, mungkin tidak sesuai lagi dalam keadaan sekarang, dalam keadaan di masa akan datang. Ini satu quality yang paling besar dipunyai oleh pemimpin-pemimpin kita yang dahulu iaitu approach yang preketik, approach yang praktikal dalam menyelesaikan masalah. Saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan meneruskan approach ini yang telah menjaminkan adanya sistem demokrasi berparlimen di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam

Sekitar daripada negeri Sarawak, aliran Allahyarham Tun Abdul Razaklah yang sebenarnya menjadi akitek Kerajaan campuran negeri Sarawak. Sebenarnya sebelum pilihanraya tahun 1969 hingga 1970 di Sarawak dijalankan, beliau telah menerangkan bahawa untuk menjamin kestabilan politik di negeri Sarawak itu penting parti yang mewakili segolongan rakyat yang begitu ramai ada wakilnya di dalam pemerintahan. Itulah ceritanya pihak SUPP telah masuk ke dalam Kerajaan campuran Negeri Sarawak sehingga pada sekarang ini dalam Barisan Nasional.

Kami dari Sarawak khususnya parti saya sendiri Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak dalam Barisan Nasional memanglah memberi sokongan yang sepenuh-penuhnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru dan berikrar akan menjalankan hubungan yang serapat-rapatnya di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan memberi jaminan akan memberi kerjasama dan sokongan yang sekuat-kuatnya kepada segala usaha beliau itu untuk kepentingan rakyat, untuk memberi kehidupan yang baik kepada rakyat di dalam negeri ini. Kita harap semoga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru dapat melakukan lawatan ke negeri Sarawak dengan seberapa segeranya. (*Tepuk*).

6.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin sekali menegaskan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Walau bagaimanapun, saya haruslah berkata bahawa usul yang dibentangkan dalam Dewan ini, yang bertujuan untuk memperolehi undi keyakinan dari Dewan pada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri, adalah merupakan seperkara yang sangat luar biasa.

Peruntukan 43 dari Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Yang di-Pertuan Agong, menurut budibicaranya, adalah perlu melantik seorang ahli dari Dewan Rakyat yang dapat menguasai majoriti dari Ahli-ahli Dewan Rakyat ini sebagai Perdana Menteri dan ia akan terus menjadi Perdana Menteri sehingga ia gagal untuk mempunyai keyakinan dari majoriti dalam Dewan Rakyat.

Berikutan dengan kematian Allahyarham Tun Abdul Razak, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn telahpun dilantik sebagai Perdana Menteri, dan sebagai seorang ketua dalam Barisan Nasional yang menguasai dua pertiga majoriti dalam Dewan ini, maka persoalan beliau tidak mempunyai keyakinan dari Dewan ini adalah tidak timbul sama sekali.

Aspek kedua dari keluar-biasaan usul ini ialah, biasanya, usul kepercayaan pada seorang ketua Kerajaan dalam sistem yang berparlimen ini hanyalah berasaskan rekod prestasi Perdana Menteri tetapi ini tidak berlaku di sini, kerana Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn hanya memegang jawatan sebagai seorang Perdana Menteri baharu-baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menyambungkan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oleh sebab ini adalah persidangan khas, saya izinkan, tetapi pada persidangan akan datang tidak boleh kerana sudah ada arahan daripada Tuan Yang di-Pertua melalui surat pekeliling.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. *(Dengan izin)* Tuan Speaker, we are, however, living in unusual times, and this probably explains this unusual Motion. I would, therefore, like to speak first on the unusual times that we are in, which calls forth this unusual Motion, and the need for the Opposition, in particular, to take a stand on this unusual Motion.

Datuk Hussein Onn assumes the office of Prime Minister of Malaysia at the most important hour in the 19-year history of Malaysia. Never before has our nation been beset with so many complex problems and challenges coming from so many directions. The key to national survival and stability, national unity, has eluded Malaysia since our Independence in 1957, a sad fact which was admitted by no other person than Datuk Hussein Onn himself in the Budget Address in November last year when he said that "we still have not yet achieved national unity; we are still divided along racial lines in our outlook, attitude and action."

This national crisis of identity has now been made more acute by the fast-changing events both inside and outside the country.

Externally, the end of the Vietnam war leading to the communist victories in South Vietnam, Cambodia and Laos, have radically altered the political face of South East Asia. Internally, the stepping-up of communist guerilla activities in the towns and the jungles underscore the serious challenge to the present order of things. In fact, some international political observers are talking in terms of two or three years before the fall of Thailand and five or ten years before the fall of Malaysia. One result of this is that in Malaysia there is an attempt to revive the American domino theory in very influential political quarters and the raising of the spectre of the domino theory will divert attention from the real problems in the country and distort an appreciation of the genuine ills of the nation. This applies not only to Malaysia but to every other South-East Asian country, for if Thailand or any other South-East Asian country goes communist, it is not because of the operation of the domino theory in the sense of the Chinese, Vietnamese or Cambodian communists sending soldiers southwards, but because of the failure of yet another South-East Asian country to provide good, just, clean and efficient government dispensing economic and social justice and achieving national unity. It is precisely because of this reason that amongst other things Malaysia must disassociate from any proposal in the forthcoming Bali ASEAN Summit Meeting to agree to the introduction of a military or security character to the ASEAN Organisation to assume a sort of a latter-day SEATO role vis-a-vis the communist States in Indo-China.

Mr Speaker, Sir, Malaysia cannot survive external stress and internal strains unless she can successfully grapple with the four basic ills of the country, namely, national disunity, poverty, corruption and social injustices. So far successive Government policies have failed to grapple with the central problems of Malaysia in achieving national unity. Thus the response of the Government to the increase in communist guerrilla activities in the towns and jungles is to pass more repressive laws and to expand the army and police forces

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, before you go further, we are now debating a Motion of Confidence in the new Prime Minister. Please do not abuse this Motion by repeating the same things

Dewan Rakyat Kuala Lumpur

which I have heard in this House said by the Honourable Member before. So please confine your arguments and observations to this Motion. Do not go very far. I know it is very difficult to draw a line of what to say and what not to say because this is a Motion of Confidence in the new Prime Minister, but I think you should be fair to say only whatever views you wish to express on this Motion because as you yourself have rightly said, he has just been appointed two weeks ago. So please do not go very far because I have heard many times before the same things being repeated while I sat in this Chair. Please proceed.

Tuan Lim Kit Siang: Thank you. Mr Speaker, Sir, I do not intend to abuse any privilege in terms of going away from this subject, but a Motion on the question involves persons and policies and although I do not want to repeat, probably truth bears repetition. This question of policies is a very central and important issue as mentioned, as a matter of fact, by previous speakers and it is with the sense of seriousness and solemnity of this occasion that I am stating my views on this particular Motion. As I said just now, the questions that face Malaysia today, one of which is political violence, can only be successfully countered by the removing of its political basis and appeal. There are three phases which are discernible in popular reaction to any political violence or, in the case of Malaysia, to the guerrilla warfare and activities of the Malaysian communists. The first phase is where the people are actively opposed to political violence.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: I will not allow you to say more than that on the guerrillas and communists. Please proceed on some other points. Please do not read from the text that you have prepared.

Tuan Lim Kit Siang: I will abide by that ruling. Malaysia, Mr Speaker, Sir, is at the crossroads of her national history. One road leads on to escalating political violence, and probably a Vietnam situation where for more than a generation the country will know of no peace or quiet. There is another road which points to a united, progressive, purposive and prosperous Malaysia. Have Malaysians the foresight, the vision and the courage to pause at the crossroads, re-appraise our policies and set on new courses which would establish a New Order which

would end the long-standing indifferences to inequalities and injustices suffered by Malaysians of all races? I have mentioned just now in my speech on the earlier Motion that in his last speeches the late Tun Razak appeared to have begun to perceive the need for a deeper re-appraisal of the nation-building policies and the factors which have continued to keep Malaysians apart and separate, both on class and especially on racial lines.

1976 is not only the first year in the last quarter of the 20th Century but it may well decide whether we embark on the road to national salvation, which will see Malaysia a generation from today a united and progressive Malaysian nation in the 21st Century, or whether we hobble into the next century on crutches, crippled and broken.

If evidence is needed that at this point in the crossroads of the Malaysian national life many things are amiss, they are there for all who have eyes to see and ears to hear.

The growing discontent among the Malay poor masses that the fruits of development are enjoyed by the owners of privilege, property and instruments of production, at their expense.

Growing frustration among non-Malays who are more and more convinced that they do not have a future in Malaysia, as testified by the growing large numbers of professional people who are emigrating or are preparing to emigrate abroad in numbers which exceed the days of May 13, 1969. I have no sympathies for these men, but this is a fact which we must take into cognizance. They explain that they are emigrating not for their own sake but for the sake of their children, for whom they cannot envisage what type of a future there is in Malaysia.

The evidence of a decline in the moral authority of Government is because of corruption in high political places, because of deception and dishonesty in public life. Just like the late Tun Razak, no one doubts the absolute personal integrity of Datuk Hussein Onn. However, unless corruption in high political places and the decline in the moral authority of the Government is arrested, then we will be choosing the road which will lead to national perdition.

Mr Speaker, Sir, these issues represent some of the central problems which face Malaysia and which will determine the future of Malaysia. This is time, then, for us to take stock of our position, and choose the road that will take us to the highlands of a united Malaysian nation.

I hope that under Datuk Hussein Onn's leadership, there will be a reappraisal of the nation-building policies:

- (1) to redefine the class relations in Malaysia, so that the Government ceases to protect and promote vested interests of privilege and the possessing class, but to abolish them, and to end exploitation and poverty;
- (2) to regain the confidence of all races that they and their children have an assured future in this country;
- (3) to restore the moral authority of Government by stamping out corruption and eliminating dishonesty in public life: and
- (4) to reinstate public confidence and trust in the efficacy and meaning of democratic processes and rights.

This will call for no less than a re-ordering of the political and economic systems and values in this country. Either we rise to the occasion and to the challenge, or we shall all perish.

We hope that these hopes will be fulfilled under the Prime Ministership of Datuk Hussein Onn. We agree that Datuk Hussein Onn possesses the qualifications and qualities to become the Third Prime Minister of Malaysia. Because of this, we do not oppose this Motion before the House. However, as we do not always agree with the policies of the Ruling Party which is now headed by Datuk Hussein Onn, the Prime Minister, we will abstain in this Motion. Datuk Hussein Onn, however, can be assured of our full support in policies, measures and efforts to remove the basic problems confronting the country as those which I have outlined just now.

6.48 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Malaysian Indian Congress (MIC) dan masyarakat India amat berbangga dan berbesar hati merakamkan Usul Kepercayaan kami ter-

hadap Perdana Menteri baru kita Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita saya bahawa kekosongan yang timbul dari kepergian Allahyarham Perdana Menteri Tun Abdul Razak akan dapat digantikan oleh seorang yang layak. Kini tempat itu telah diambil-alih oleh seorang negarawan yang bukan sahaja layak tetapi berkebolehan dalam serba-serbi dan dedikasi. Walaupun saya sedih dengan kehilangan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sebagai pemimpin kita yang dikasihi namun kita bersyukur kepada Yang Maha Esa yang telah bermurah hati memberikan kita seorang pemimpin lain yang sungguh dedikasi untuk memimpin dan membawa kita ke arah masa depan yang cerah di dalam sebuah negara yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn adalah seorang pemimpin yang telah diterima dan dialu-alukan oleh semua kaum di dalam negara kita ini. Beliau adalah seorang anak lelaki yang dikasihi oleh seorang negarawan yang agung iaitu Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar. Cita-cita dan perkhidmatan cemerlangnya sentiasa dikenangi oleh semua rakyat di negeri ini. Latar belakang Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn telah lama terukir dalam sejarah negara kita yang mana jenarasi Malaysia menjelang tiba sepatutnya akan mempelajari dan mengenangnya dengan baik. Pengalamannya dalam politik adalah luas dan kebolehannya dalam arena politik negara kita adalah paling istimewa. Dengan pengalamannya yang mengenali semua problem rakyat berbilang kaum di negeri ini, Datuk Hussein telah membuktikan kepimpinan yang terpuji untuk memimpin negara dan rakyat. Sejarah dan latar belakang keluarganya telah terkenal sebagai pejuang kebebasan, mereka telah membuktikannya dengan nama yang baik dan terpuji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn telah menghabiskan masanya selama suku abad dalam perkhidmatan umum dengan semangat kebangsaan yang diwarisinya dari aruah bapanya telah dapat menolong Datuk Hussein meneruskan perjuangan yang tulin dan telah pula berjaya sebagai seorang pemimpin yang dapat menawan hati dan diterima baik oleh semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dari kacamata politik, Malaysia adalah dianggap sebagai sebuah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang kecil dengan penduduk-penduduknya yang terdiri dari berbilang kaum, berbilang bahasa, kebudayaan dan tamaddun. Dengan demikian ia sentiasa sahaja menghadapi berbagai-bagai problem-problem. Oleh itu rakyat yang terdiri dari berbilang kaum itu tentu akan mengharapakan kepimpinan yang akan menjamin keselamatan semua pihak. Dalam hubungan ini, kita yakin bahawa dengan pengalaman yang telah lama dianuti oleh Datuk Hussein beliau adalah paling layak untuk memenuhi semua keperluan kepimpinan ke arah kestabilan masyarakat berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Allahyarham Timbalan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail dipanggil pulang oleh Ilahi, rakyat Malaysia terlalu ingin hendak mengetahui siapakah yang akan mengambil tempatnya. Apabila nama Datuk Hussein disebutkan sebagai penggantinya, semua rakyat Malaysia mengalu-alukan perlantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kini negara tanpa berbelah bagi telah menerima dengan bangga sebagai pemimpin yang paling layak untuk menggantikan Allahyarham Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak. Kepercayaan yang telah wujud di hati sanubari rakyat Malaysia terhadap Datuk Hussein sebahagiannya adalah berpunca dari dorongan Allahyarham bapanya Datuk Onn bin Jaafar, sebagai seorang yang berkaliber disertakan dengan catitan sejarah yang mengenalinya sebagai pemimpin ulung dan pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Yang Amat Berhormat Datuk Hussein adalah seorang firm believer sama seperti aruah bapanya yang sentiasa berusaha mengelakkan kegelisahan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, Datuk Hussein Onn bolehlah disifatkan sebagai satu simbol disiplin, beliau sentiasa membuktikan kepimpinannya yang penuh disiplin dengan latar ketenteraannya. Sebagai seorang anak watan Malaysia, beliau telah berkhidmat dalam Pasukan Tentera Negeri Johor dan telah mendapat latihan tentera yang penuh disiplin di Dehra Dun, India. Adalah satu perkara yang amat membanggakan bagi kita mengetahuinya bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein

pernah berkhidmat di dalam Tentera India dan telah menjalankan operasi peperangan di Egypt dan Asia Barat. Disiplin Datuk Hussein telah memberikan rakyat Malaysia harapan yang besar untuk menyakini bahawa negara ini akan menjadi sebuah masyarakat yang penuh disiplin. Beliau juga seorang Peguam, oleh itu keadilan negara kita kini adalah di dalam keadaan yang selamat. Sebagai seorang Peguam dalam professionnya saya yakin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan sentiasa mengawal Hak-hak Asasi semua bangsa di negara ini, beliau juga seorang yang paling sederhana dan seorang yang bertutur dengan lemah lembut. Namun begitu beliau seorang yang tegas dalam sebarang keputusannya dan disayangi oleh semua peringkat hidup kerana kesederhanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu ayat yang saya ingatkan di dalam Dewan ini ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita biasanya akan menegaskan bahawa:

“Diri saya tidaklah mustahak tetapi apa yang saya buat adalah mustahak.”

Dari ayat ini seseorang itu akan sedar betapa tingginya daya pemikiran dan himmah yang ada pada dirinya. Banyak kedapatan di kalangan pemimpin-pemimpin politik yang bersikap egoistic dan merasakan diri mereka besar, tetapi kini kita mendapati seorang pemimpin yang merasakan kehidupan individual tidak mustahak. Datuk Hussein sentiasa percaya bahawa sifat yang lemah-lembut adalah satu sifat yang digalakkan oleh agama dan masyarakat yang bertamaddun.

Sebagai seorang ahli Dewan ini saya amat tertarik dengan kegiatannya yang tertentu dan sama adil. Dalam tempoh yang singkat di Dewan ini beliau telah menunjukkan dengan jelasnya semangat persahabatan dan muhibbah kepada tiap-tiap orang yang ditemuinya tanpa mengira samada mereka Menteri atau Ahli-ahli Parlimen biasa ia tiada pernah lupa memberikan senyumannya atau berkata “Halo” kepada kita semua di mana-mana kita bertemu dengannya. Integrity dalam jiwanya di samping perfection kebolehan, kepimpinan hati yang mulia, persahabatan dan muhibbah yang tiada terhad, quality yang amat mustahak dan menentukan sifat seorang pemimpin agung

dan baik. Dalam hubungan ini Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn mempunyai semua quality sebagai Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita mungkin baru kepada jawatan executive negara yang tertinggi. Tetapi saya fikir beliau telahpun menjadi Perdana Menteri sebelum ia memegang jawatan ini secara rasmi. Dalam masa 2½ tahun yang lepas sebagai Timbalan Perdana Menteri beliau telah lebih dari sekali mengambilalih sementara waktu jawatan Perdana Menteri yang mana beliau telah berjaya menjalankan tugas-tugas itu dengan memuaskan hati semua pihak. Kini rakyat Malaysia telah menerimanya sebagai pimpinan baru tanpa keraguan. Beliau telah diberikan peluang untuk memimpin negara ini. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita yang baru ini dalam tempoh yang singkat akan dapat membuktikan pilihan rakyat yang menempatkannya ke jawatan yang tertinggi itu sebagai paling bijak dan paling layak mendapat penghormatan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah mendengar Perdana Menteri kita berkata beliau akan meneruskan tugas-tugas yang tidak sempat dihabiskan dan ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak supaya cita-cita Allahyarham itu dapat dijadikan kenyataan. Ini amatlah membanggakan. Walaupun pada zahirnya kita telah kehilangan pemimpin yang dahulu, namun kita sungguh beruntung kerana kita telah ada orang yang mengambilalih tugas-tugas itu dalam keadaan yang sempurna dan licin ke arah pengeluaran hasil yang berbentuk seperti dahulu.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk mengalu-alukan dan memberikan tahniah kepada Perdana Menteri kita yang baru dan mengharapkan beliau dalam keadaan riang dan gembira dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai Perdana Menteri. Seterusnya berdoa kepada Tuhan Yang Maha Esa memberi beliau kesihatan yang berkekalan dan panjang umur untuk terus berkhidmat ke arah pelaksanaan dan cita-cita rakyat Malaysia.

7.01 mlm.

Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berucap

sepatah dua bagi menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak USNO Sabah dengan sukacitanya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri kita yang baru dan begitu juga kepada pihak Parti USNO dan rakyat Malaysia di Sabah dari segenap golongan mengalu-alukan dan menaruh kepercayaan terhadap pimpinan beliau dan kami dengan tulus-ikhlas berikrar akan memberikan sokongan dan kerjasama yang diperlukan kepada kami di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kami sedar bahawa Perdana Menteri kita yang baru ini menghadapi tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang banyak dan berat, terutama sekali tugas-tugas meneruskan dasar dan cita-cita yang diperjuangkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak yang belum selesai.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya dengan sifat ketokohan dan dengan adanya pengalaman dan kejujuran yang ada pada diri Perdana Menteri yang baru ini yang telahpun terbukti kepada rakyat serta dengan adanya ikrar sokongan dan kerjasama dari segenap lapisan rakyat dan parti-parti politik di negara kita ini, maka tugas yang dihadapi oleh beliau itu akan dapat dilaksanakan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya bagi Pihak USNO berharap di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru ini keamanan dan kemakmuran di negara kita ini akan bertambah baik perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini bertambah kukuh serta berharap perhubungan dan perpaduan rakyat antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak bertambah mesra dan erat. Sekianlah ucapan sokongan saya terhadap usul ini.

7.05 mlm.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak PAS bangun menyokong di atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat wakil dari Kuala Kedah yang menyatakan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai

Perdana Menteri dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap pimpinan beliau dan berikrar memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat sekejap tadi bahawa dengan ketokohan dan pengalaman yang ada pada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, maka sudah sewajarnya beliau ditempatkan oleh Tuhan untuk memimpin negara ini bagi menggantikan Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah dipanggil olehNya terdahulu daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Allahyarham Tun Abdul Razak mengambilalih memimpin negara di saat-saat yang genting dan dalam masa negara dan rakyat memerlukan pimpinannya, maka demikian juga sekarang Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn mengambilalih pimpinan negara ketika mana rakyat mengharapkan perjuangan yang dicetuskan oleh Allahyarham dapat dilaksanakan dan disambung oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri, yang baru kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaan di dunia ini; patah tumbuh silih berganti, yang hilang tetap hilang, tetapi yang akan ganti akan muncul bagi memimpin dan menjaga amanah Tuhan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah diterangkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn memang arif dalam bidang perundangan dan mahir dalam bidang ketenteraan di mana beliau telahpun menjalankan tugas-tugasnya di masa yang lalu, bukan sahaja di negara kita bahkan juga di luar negeri termasuk di Timur Tengah. Selepas itu beliau muncul memimpin negara ini dari peringkat ke peringkat mengikut yang sewajarnya. Dan sekarang beliau telah mengambilalih pucuk pimpinan negara dan sewajarnya kita menyokong sepenuhnya di atas pimpinan beliau itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin beliau akan dapat melanjutkan perjuangan Allahyarham Tun dalam usaha membangunkan negara bukan sahaja membangun dari sudut jasmani juga dari sudut rohani, sebab itu adalah perjuangan Allahyarham dan saya

yakin sama juga perjuangan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn pada masa yang akan datang.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa bakat yang ada pada Datuk Hussein bukan hanya dari beliau sahaja, tetapi daripada bapa Datuk Hussein sendiri iaitu Allahyarham Datuk Onn. Sebagaimana yang kita tahu bahawa Allahyarham Datuk Onn adalah pemimpin negara kita ini dan saya yakin dan saya penuh percaya bahawa Datuk Hussein Onn akan memimpin negara kita ini dengan sewajarnya.

Kami telahpun menyokong Datuk Onn pada masa yang lalu, khasnya kami dari Trengganu telah pernah kami memilih Allahyarham Datuk Onn untuk ke Dewan yang mulia ini iaitu tahun 1959 kami memilihnya menjadi Ahli Dewan Rakyat untuk bersamasama mengeluarkan fikiran beliau di dalam Dewan yang mulia ini, dan alhamdulillah perjuangan itu disambung oleh anaknya iaitu Yang Amat Berhormat Datuk Hussein yang sekarang berada di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada orang menyatakan tentang ketegasan-ketegasan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein, tetapi kepada saya, saya penuh percaya ketegasan itulah yang akan membawa kepada kebahagiaan negara ini di masa yang akan datang, kerana sebagaimana kata-kata Nabi Muhammad s.a.w. "katalah benda yang benar walaupun pahit", dan pernah Rasullullah berkata: sekiranya Fatimah iaitu anakda Rasullullah, mencuri maka aku akan memotong tangannya. Maka saya rasa ketegasan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein adalah satu daripada asas-asas yang perlu ada kepada pemimpin negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah termaklum bahawa negara memerlukan perpaduan seperti yang dikehendaki oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, maka saya yakin Yang Amat Berhormat Datuk Hussein akan dapat meneruskan perpaduan bangsa dan negara melalui lunas-lunas yang tertentu. Rancangan Malaysia Kedua, Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain yang dicita-citakan oleh Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun masih belum mencapai matlamatnya dan itu yang perlu diperjuangkan oleh kita yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein.

Selain daripada itu masalah keselamatan dan dasar keamanan serantau yang masih dalam perjuangan akan juga dapat disambung oleh jenerasi yang ada pada masa ini. Seperti Allahyarham Tun Haji Abdul Razak yang sentiasa bercita-cita untuk mengadakan disiplin rakyat, pembangunan rohani dan perkembangan agama Islam, maka saya yakin pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein akan dapat meneruskan perjuangan ataupun cita-cita yang dikehendaki oleh Allahyarham memandangkan kepada perbandingan beliau dengan Allahyarham semasa Allahyarham hidup dan pesanan-pesanan sulit yang mungkin diberi oleh Allahyarham untuk memimpin negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita adalah hak Tuhan dan kepadaNya kita akan dipanggil di satu masa, tetapi buat masa ini Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah dipanggil lebih dahulu manakala kita masih diamanah oleh Tuhan untuk memimpin negara kita ini yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita hendaklah ingat bahawa sesungguhnya itu adalah perkara biasa sahaja. Pernah Nabi Muhammad s.a.w. ketika beliau meninggal dunia banyak masalah-masalah yang timbul tetapi apakala dibaca ayat yang bererti sesungguhnya Nabi Muhammad s.a.w. itu adalah Rasul di mana telah berlalu beberapa Rasul-rasul. Apakala ia meninggal atau dibunuh apakah kamu akan berubah daripada keyakinan dan pegangan kamu, sudah tentu tidak. Demikianlah kita yang ada pada hari ini. Apakala Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dipanggil Tuhan, maka amanah yang diberikannya dan amanah yang diperintah oleh Tuhan tentulah pula akan dijalankan oleh kita dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Barisan Nasional yang ditanam dan disubur oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak pada beberapa masa yang lalu, saya yakin akan dapat diteruskan kekokohnya, ke-suburannya, keutuhannya oleh Yang Amat Berhormat Datuk Hussein pada masa yang akan datang. Saya percaya UMNO adalah menjadi teras dalam Kerajaan sekarang dan juga teras dalam Barisan Nasional. Tetapi kepentingan partai-partai lain dalam Barisan Nasional demi untuk faedah negara dan bangsa tidaklah kurang juga. Saya

yakin dan saya pernah percaya apa yang dicita-citakan oleh Allahyarham akan dapat kita suburkan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir sekali, saya bagi pihak PAS memberikan sepenuh-penuh kepercayaan dan sepenuh-penuh ucapan tahniah di atas pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein yang memegang pimpinan negara dan akan terus memimpin negara ini dan berikrar akan memberi kerjasama pada masa akan datang.

7.16 m.m.

Tuan Lee Moggie anak Iroke (Kanowit):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sedikit ucapan tentang usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Senu bin Abdul Rahman. Pertama sekali saya minta izin mencampurkan ucapan saya dalam bahasa Inggeris. Saya suka juga menyatakan bahawa usul ini adalah exceptional seperti mana juga yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Usul ini exceptional, tetapi walau bagaimanapun sesudah saya nyatakan usul ini exceptional, saya hendak memberi keterangan bahawa kami dari parti SNAP menyokong usul ini. Kami menyokong dan memberi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn menjadi Perdana Menteri dan kami menyokong juga untuk menyatakan kepercayaan dan juga akan memberi kerjasama dan sokongan yang penuh kepada beliau.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, it is necessary to give these assurances because Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn himself does not seek power; he has this responsibility thrust upon him; and it is during this hour of need that politicking has to be put aside, and this is the basic approach that we from the Sarawak National Party would like to impress upon. For that reason also, saya dan rakan-rakan saya dari parti SNAP memberi tahniah kerana perlantikan Yang Amat Berhormat ini ialah carries with it a great burden of responsibility. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah bercakap tadi dan memberikan keterangan tentang masalah yang akan dihadapi oleh negara kita pada masa akan datang. Oleh yang demikian, siapa juga yang menjadi ketua, siapa juga yang menjadi Perdana Menteri dalam negara kita ini akan need the qualities of leadership that we do not envy; Sir. It is the

qualities of leadership that tie with it great responsibilities. We have no hesitation in offering him our congratulations. At the same time, Sir, we have no hesitation also in saying that we will co-operate with Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, kerana masalah yang akan datang ini adalah penting bukan sahaja kepada beliau sendiri tetapi juga kepada negara kita.

Having said that, Sir, we hope that the new Prime Minister will zealously address himself to the many problems that we are going to be faced with. I need only to mention one or two problems here, Sir, as examples. One of the main issues that still confronts us certainly is the problem of unity.

Masalah ini selalu dibangkitkan di Dewan ini. Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn himself is the son of a very reputable father. Datuk Onn bin Jaafar was a well-known nationalist in this part of the world. He moved from UMNO to start a party that believed in multi-racialism. He did not succeed in pursuing and furthering his political career to become Prime Minister, but that responsibility is now on his son. I say this, Sir, because the basic problem that we must face in this country is still the problem that we are a multi-racial society. The fact that both Datuk Onn bin Jaafar as well as the then Hussein bin Onn stood quite firmly on this principle seems to give an indication of the kind of approach which I hope he will impart on those in authority.

He carries with him, Sir, a full qualification, a personal record, backed by family tradition of dedicated service to the country and the nation. I also hope, Sir, that the new Prime Minister will memberi perhatian banyak lagi untuk States yang belum lagi sama kemajuan dari State yang lain. Saya hendak menyatakan di sini dan mengingat bahawa kami dari Sabah dan Sarawak, (saya bercakap khususnya mengenai Sarawak) akan juga berharap dapat diberi cukup perhatian.

In respect of the New Economic Policy saya sudahpun menyampaikan ucapan ini dahulu, tetapi saya suka mengulanginya lagi, bila kita bercakap mengenai bumiputra, kita hendaklah ingat bahawa bumiputra itu juga ada kaum dari bangsa Dayak. Saya ingin menyatakan di sini kepada Perdana Menteri

yang baru bahawa saya harap beliau itu ingat semasa menjalankan tugas-tugas Kerajaan nanti.

I do not feel that I should repeat, Tuan Yang di-Pertua, all the many good words, all the very high qualities that Datuk Hussein Onn as a person possesses. These qualities, this strength of character have already been mentioned by previous speakers. All I am going to emphasise is that at this very moment, he appears to be the very man who possesses the qualities that this nation needs and for that very reason, though I must admit that this Motion is exceptional, we from the Sarawak National Party akan menyokong usul ini:

Bahawa Dewan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap pimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

7.25mlm.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga kerana telah diberi keistimewaan untuk bercakap bagi Parti Gerakan menyokong usul kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn memegang jawatan Perdana Menteri dalam keadaan yang menyedihkan. Kehilangan Allahyarham adalah satu kehilangan yang besar kepada negara. Dan juga kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn walau bagaimanapun beliau memegang jawatan dengan pengalaman yang penuh. Adalah jarang sekali didapati seorang Perdana Menteri yang telah berkhidmat dengan cemerlang dalam Angkatan Tentera yang mempunyai kejayaan yang tinggi dalam kehidupannya, dalam sektor persendirian dan juga seorang yang telah berjaya di lapangan politik. Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn juga adalah seorang pemimpin kebangsaan yang jujur, ikhlas, dinamik dan dedikasi. Sejak perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri dua minggu yang lalu, beliau telah menerima kepujian setinggi-tingginya dari semua golongan dan lapisan

masyarakat di seluruh Malaysia. Baru-baru ini dalam Dewan yang mulia ini Yang Amat Berhormat Datuk Hussein telah berikrar akan meneruskan kerja yang sudah dimulakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan berjuang untuk mencapai cita-cita Allahyarham Tun.

Kami dari Parti Gerakan mempunyai kepercayaan penuh bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn akan berusaha dengan segala daya upaya untuk mencapai satu masyarakat Malaysia yang adil dan saksama dan serantau Asia Tenggara yang aman, bebas dan berkecuali. Kami memberi sokongan yang penuh kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn untuk memilih sesiapa juga yang beliau anggap sesuai untuk membantu beliau dalam Kerajaan dan pentadbiran.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini untuk memberikan sokongan dan kepercayaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai lagi Ahli-ahli yang hendak bercakap mengenai usul ini, walaupun Dewan ini sudah memutuskan tadi sehingga pukul 7.30 malam selewat-lewatnya, melainkan kalau ada satu usul baru di bawah Peraturan 18 (2). Kalau ada permintaan hendak disambung lagi, silalah Yang Berhormat Menteri membuat satu cadangan baharu untuk melanjutkan perbahasan ini dan kalau tak ada, saya kena patuh kepada keputusan yang dibuat oleh Dewan ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan pada petang ini berkaitan dengan waktu persidangan mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga jam 8.00 malam.

Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun ketetapan yang telah dibuat oleh Dewan pada petang ini berkaitan dengan waktu persidangan mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga jam 8.00 malam.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, disebabkan ramai lagi yang hendak bercakap, saya pun tidak sampai hati dan saya tahu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tentu marahkan saya. Saya boleh tunjuk seorang sahaja tiap-tiap kali dan tidak boleh tunjuk dua sekali bercakap.

Saya hendak mengingatkan supaya Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan ucapan kalau tidak mahu kena marah oleh Ahli-ahli yang lain dan bercakap dengan pendek mengenai isinya sahaja.

7.33 mlm.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak S.U.P.P. (Parti Rakyat Sarawak Bersatu) ingin saya menyampaikan sokongan kami terhadap Usul mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein bin Datuk Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru. Kami dalam S.U.P.P. merasa sedih dan terharu di atas kepergian Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri yang sangat dihormati dan disayangi, tetapi dalam pada itu kami merasa lega dan senang hati mengetahui bahawa penggantinya ialah Timbalannya Datuk Hussein bin Datuk Onn yang dipercayai boleh memikul tanggungjawab-tanggungjawab yang telah ditinggalkan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan memimpin kita ke arah suatu tujuan dan objektif-objektif yang tertentu.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, there can be no doubt in our mind that with his background, training and experience, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn is eminently qualified and fit to be the successor

to our illustrious former Prime Minister, Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak.

Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn has a special quality, rare among many statesmen, and that is, he is always ready to listen and take advice, though he does not suffer fools. But who does? He is a man both with foresight and insight.

Tuan Yang di-Pertua, we must admit that in our multi-racial society, there are bound to be many, many problems, but we can be certain that our new Prime Minister will not sweep the problems under the carpet.

He has a fairly dedicated team in his Cabinet which requires a captain of his calibre and quality to lead and to overcome all the problems that beset us. I am sure that under his stewardship and his captaincy the ship of state will sail surely and safely through the storm and reach the designated destination.

Tuan Yang di-Pertua, kami dalam SUPP mempunyai segala kepercayaan terhadap beliau dan memberi sokongan penuh dan tidak berbelah bahagi dalam membantu beliau menjalankan tugas-tugas berat yang akan dipikulnya.

Sebagai penutup, ingin saya mengucapkan tahniah kepada beliau di atas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga.

7.36 mlm.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pada petang ini kita telah diminta untuk menyokong atau memberikan sokongan kita kepada pimpinan Datuk Hussein bin Datuk Onn. Dalam surat saya yang pendek kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya telahpun memberi sokongan terhadapnya dan sesungguhnya para ahli politik dari berbagai pendapat dan rakyat dari semua lapisan masyarakat telahpun memberi sokongan mereka kepada Datuk Hussein bin Datuk Onn.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, like his predecessor, Datuk Hussein Onn has had a long, distinguished and arduous apprenticeship for the high office of Prime Minister, which he now holds.

He is a descendant of a distinguished family which had served well this country in general and Johore in particular. Their record of service goes back to many generations and many decades.

Mr Speaker, Sir, his grandfather was Jaffar bin Onn and Jaffar bin Onn was the Menteri Besar of Johore and he was followed by his more distinguished son, Onn bin Jaffar. Onn bin Jaffar or Datuk Onn, as he was popularly known, was the father of Malay Nationalism and it was he who welded the disparate groups into UMNO and indeed he became its first President. But he saw the need for national integration of the various races that formed this country and he wanted to open the doors of UMNO to the other races. In this he was decades ahead of his time and his proposal was unfortunately rejected by UMNO. Datuk Onn then left the UMNO, went to form the IMP (the Independence of Malaya Party) and when that failed, he formed the Party Negara and when he passed away, Party Negara also went into political oblivion with his demise. It was a measure of Datuk Onn's statesmanship and leadership that even when he was in the political wilderness, he was invited by the British to be a part of their Member System of Government.

Now we have Datuk Hussein Onn, a member of the third generation of that distinguished family who has now been appointed to the high office of Prime Minister.

With such distinguished forebears one can safely say that it is but inevitable that Datuk Hussein Onn should also attain high office. But unlike his predecessors he was not groomed for high office in this country.

Thus during World War II he joined the British Army and saw active service in the Middle East, the East and in this country. He left the service with the rank of Captain and immediately plunged into politics in this country. I believe he was the President of Pemuda UMNO and later the Secretary-General of UMNO. But he followed his father into political wilderness when his father left the UMNO.

I see, Mr Speaker, Sir, that most commentators and practically all the newspapers in this country have either omitted or glossed over this phase of the life of our

Prime Minister. I think they are doing a disservice to this country and to the Prime Minister. Datuk Hussein Onn need not be ashamed of this episode of his political career. On the contrary, he should be proud of it for it enabled him to see the reverse side of the coin and this surely is a very valuable experience now that he has attained the high office of Prime Minister.

After the failure of Party Negara, Datuk Hussein Onn decided to go to London to do law. He qualified there and he came back and practised as a barrister. In 1969 he contested the general elections under the banner of UMNO and was appointed Minister of Education. And thereafter his rise was very rapid culminating in his appointment as Deputy Prime Minister last year and as Prime Minister on 15th January 1976.

Datuk Hussein Onn has been assured of support from all political leaders of this country. I myself have written as I stated before, a short letter assuring him of the support of the Pekemas. But let me make this quite clear that we do not give him *carte blanche* in all that he does. We reserve the right to oppose him should he go off the rails or should we think that what he has done is not in the interest of this country.

Mr Speaker, Sir, Datuk Hussein Onn has shown that he is a dedicated leader, dedicated to the service of this Nation and that he is a man of principle. But he faces, as has been pointed out, many problems, including that of national unity, poverty, the imbalance in income distribution and militant communism. But I do hope and we all pray that he will be able to overcome all these obstacles in good time.

Finally, I wish to conclude by praying that God will give him the strength, courage, wisdom and good health that he will need to carry out the onerous duties that now lie ahead of him.

7.43 mlm.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn ialah seorang yang berhemah tinggi dan cermat dalam menjalankan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, beliau datang daripada keluarga yang telah memainkan peranan penting di dalam pembentukan UMNO dan beliau ialah satu-satunya pemimpin yang dapat menjamin keselamatan, politik, ekonomi dan sosial. Semoga Tuhan akan memberi hidayat dan petunjuk kepadanya untuk menghadapi tugas-tugasnya yang berat ini untuk membawa Malaysia ke arah perpaduan dan kemakmuran.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun Abdul Razak semasa hayatnya sentiasa memberi penghargaan di atas perjuangan kaum-kaum wanita sehingga terdapat di hari ini bertambahnya bilangan wanita-wanita di dalam Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Negeri. Sebab saya katakan begitu, kami kaum wanita hari ini telah kehilangan tempat untuk mengadu nasib.

Walau bagaimanapun, jelas kelihatan dari wajah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru ini dapat kami wanita semua untuk menyampaikan hasrat-hasrat wanita di semua bidang untuk memajukan negara Malaysia yang dikasibi.

Tuan Yang di-Pertua, kami kaum wanita yang tidak berbelah bagi berdiri teguh di belakang Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri yang baru sebagaimana wanita-wanita yang telah menyokong kepada Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun.

Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang baru ini di samping menjalankan tugas-tugas negara yang berat akan juga menjaga kesihatannya. Dan kaum wanita akan sentiasa berdoa agar dipanjangkan usianya dan beroleh kesejahteraan. Amin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak beri peluang dua tiga orang lagi bercakap. Silakan.

7.45 mlm.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk merakamkan sokongan terhadap usul ucapan tahniah kepada Yang

Amat Berhormat Datuk Hussein Onn atas perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri.

Saya dan seluruh anggota Pemuda M.C.A. turut memberi sokongan sepenuhnya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan kami penuh yakin atas ketokohan, kebolehan dan kemampuan Yang Amat Berhormat dalam memberi pimpinan kepada negara ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini telahpun banyak menyentuh dan memperkatakan berbagai-bagai aspek keistimewaan sifat-sifat yang terdapat pada diri Yang Amat Berhormat itu.

Tidak siapa juga dapat menafikan bahawa dengan sifat-sifat yang terpuji yang ada pada diri beliau itu, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sudah tentu dapat meneruskan usaha-usaha Allahyarham Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein ke arah perpaduan, kemajuan dan keamanan rakyat dan negara kita ini.

Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sepertimana yang kita sedia maklum, bukanlah seorang yang baru di dalam arena politik. Sebaliknya, beliau adalah seorang yang telah lama berkecimpung dalam politik tanahair dan darah politik memang mengalir di dalam keluarganya. Di samping pengalamannya yang luas dalam arena politik, beliau juga mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang ketenteraan, pentadbiran dan perundangan.

Dengan pengalaman yang luas ini kami percaya dan mempunyai keyakinan penuh terhadap kebolehan dan kemampuan beliau untuk terus memberi pimpinan politik negara kita ini.

Keteguhan pimpinan beliau telah terbukti semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dalam mana beliau telah menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh kebijaksanaan, dedikasi, adil dan saksama.

Kami menaruh kepercayaan penuh terhadap kebolehan dan kejujuran terhadap Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dalam usaha-usahanya untuk mengujudkan satu masyarakat yang maju dan progresif dan membina sebuah negara yang aman dan makmur di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan adanya keyakinan dan kepercayaan yang penuh ini, saya bagi pihak seluruh anggota Pemuda M.C.A. sekali lagi menyatakan sokongan kami yang tidak berbelah bahagi terhadap Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia kita ini. (Tepuk).

7.50 mlm.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul dalam Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap pimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Sebagai salah seorang wakil Barisan Nasional di dalam Wilayah Persekutuan, inginlah saya menyatakan sokongan penuh Barisan Nasional di dalam Wilayah Persekutuan ini terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Sokongan penuh yang diberi oleh saya ini bukan sahaja pimpinannya sebagai Perdana Menteri bahkan memberikan kepercayaan yang penuh kepada kuasa-kuasa yang ada pada beliau untuk menubuhkan Kabinet pada hari ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dapat memenuhi dan saya percaya perkara ini dapat dilaksanakan segala hasrat yang telah diidam-idamkan oleh Allahyarham bekas Perdana Menteri kita yang lalu. Saya percaya Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn akan sama-sama memegang konsep perjuangan Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bekas Perdana Menteri di atas amanat beliau kepada saya tiga hari sebelum Allahyarham bertolak ke London, memberi nasihat iaitu sebagai pemimpin parti hendaklah menjalankan usaha-usaha untuk parti dan negara dan jangan sekali-kali untuk faedah diri sendiri demi perpaduan dan kemajuan serta keutuhan dalam negara ini. Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn Perdana Menteri kita serta Kabinetnya yang ada sekarang ini iaitu untuk mengenangkan pengorbanan Allahyarham

Tun Haji Abdul Razak, saya harap Kerajaan akan memberikan tapak Sri Taman itu kepada keluarga Allahyarham.

7.51 mlm.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul dari Yang Berhormat wakil dari Kuala Kedah hanya sebuah sajak dapat saya rakamkan di dalam Dewan ini untuk memberi tahniah kepada perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri.

Tidak ada genderang-genderang juga tiupan nafiri,

Tidak ada surak surai,

Tepuk gemuruh berderai,

Menyambut kedatangan perwira negara,

Kembali semula mengangkat bendera,

Membawa pesanan, mengutus bisikan abang,

Yang tadi pergi, yang berjasa menyumbang bakti,

Kelak akan terus mengucak gelap-gelita,

Kelak memberi cahaya tanpa kata sengkita.

7.53 mlm.

Toh Puan Onn Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah dan menyokong penuh usul Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang telah menggantikan Allahyarham Tun Abdul Razak yang telah meninggalkan kita semua. Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn akan menjadi ganti sebagai Perdana Menteri yang tidak akan berbelah bahagi kepada semua kaum dan bangsa yang ada dalam Malaysia ini. Dan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein juga tidak kurang bijak pandai dan beramah mesra kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada semua yang ada di Dewan yang mulia ini akan menyokong penuh kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn yang akan memimpin dan akan melaksanakan

negara yang berkehendakkan keamanan dan kemakmuran negara yang rakyat harapkan. Di masa yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua, kita semua di dalam Dewan ini khususnya dan keseluruhannya akan berdoa kepada Allah Subhanahu wataala supaya Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn dipanjangkan umur dan bertambah sihat tubuh badan Yang Amat Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pandangan saya Yang Amat Berhormat itu pendiam tetapi fikiran, perbuatan dan pandangan Yang Amat-Berhormat itu jauh. Kita tidak tahu lagi atas pimpinan beliau entahkan sama dengan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak ataupun berganda-ganda lagi sebagai pemimpin Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan kaum wanita khususnya akan memberi taat setia kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai pemimpin yang sentiasa mengambil berat di atas wanita-wanita sekalian. Mudah-mudahan, Tuan Yang di-Pertua, yang sudah pergi itu tetap pergi tetapi yang akan ganti akan membuat bakti.

Buat mengakhiri ucapan saya, saya pohonkan Yang Amat Berhormat akan menjaga kesihatan beliau supaya rakyat tidak akan hampa.

7.55 mlm.

Tuan Lew Sip Hon (Shah Alam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut juga menyertai rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn di atas perlantikan sebagai Perdana Menteri yang ketiga. Saya percaya bahawa dengan perlantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn kita mempunyai penuh harapan dan kepercayaan bahawa kebolehan beliau untuk memimpin Kerajaan kita untuk meneruskan cita-cita dan hasrat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak untuk membina sebuah negara yang bersatu-padu, aman, makmur dan adil. Kita sekarang berada di persimpangan jalan, pembangunan politik yang akan membentuk nasib negara dan cara hidup bukan sahaja bagi jenerasi sekarang bahkan juga jenerasi akan datang.

Sejak sudah 18 tahun kita mencapai kemerdekaan dan berada di bawah pimpinan Perdana Menteri kesayangan kita Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang

bergelar "Bapa Malaysia" dan selepas itu Perdana Menteri kesayangan kita yang kedua Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bergelar "Bapa Pembangunan" telah berjaya menempatkan Malaysia di antara negara-negara di dunia, kestabilan keadaan politik di bawah Kerajaan Perikatan yang telah memerintah kita terus-menerus sejak kemerdekaan, dan selepas itu pembentukan Kerajaan Barisan Nasional sejak pilihanraya, 1974 telah menjalinkan perasaan kepercayaan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the time has come for the entire nation to rally in support behind our Prime Minister, Datuk Hussein Onn, so that he can lead the nation and carry on the good work left by his predecessors. That every Malaysian who wants to see a united, prosperous and harmonious Malaysian nation, will and must support Datuk Hussein Onn is without doubt. What is important is the manner of such support.

We are in the threshold of an important milestone in our history. The nation mourns the loss of a great leader in Tun Haji Abdul Razak. The cruel and untimely cutting off of a man in the prime of his life has suddenly robbed all Malaysians of a leader of outstanding dedication, sincerity and breadth of vision. Tun Abdul Razak has gone, but the hallmark of the great man is that he has bequeathed to the nation a worthy successor in Datuk Hussein Onn.

It has been said that the history of a nation is the sum total of the lives of its great leaders. History has shown that great men can shape the destiny of nations and influence the lives of people. Today we have yet another great Malaysian leader in Datuk Hussein Onn, a new Prime Minister on whom has been thrust the mantle of leadership to guide the future destiny of all Malaysians along the path bequeathed to him by the late Tun Abdul Razak. He has pledged to carry out the policy and put into effect the ideologies as enshrined in the Rukunegara, the New Economic Policy and the ideals of social justice. Clearly, Datuk Hussein Onn, although committed to the late Tun Abdul Razak's policies, has a style of his own.

We are in the threshold of the politics of the 1980's which demands political leadership and thinking of a high calibre in the

building of a united, progressive and just Malaysian society. The leadership must be able to assess and respond to the changing political mood and tempo of the nation and thus fulfil the ideals and aspirations of our peoples. Although we have scored numerous successes since Merdeka, there are still many problems to be solved: national unity, racial harmony, poverty, etc. are all urgent problems awaiting attention.

We are on the threshold of the Third Malaysia Plan where the main thrust of the Plan must be geared towards the eradication of poverty irrespective of race and the restructuring of society, so that Malaysians will ultimately have their rightful share of ownership and control of the economic wealth of the country. There is no doubt . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah sampai.

Tuan Lew Sip Hon: Just two more sentences, Sir.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Two sentences? Baiklah, habiskan dua ayat itu.

Tuan Lew Sip Hon: We have such a leader in Datuk Hussein Onn. I would, therefore, like to call on all Malaysians, in particular, the Malaysian Chinese community, to support our new Prime Minister in deeds as well as in words. Thank you.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas perantikan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn sebagai Perdana Menteri dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap pimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang belum ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.